

6 Mac 2009 (Jumaat)

Timur: Masalah air boleh diatasi jika dapat peruntukan RM1.8j

TANAH MERAH: Masalah air paip yang dihadapi kira-kira 200 keluarga penduduk Kampung Perala dekat sini sejak empat tahun lalu, hanya boleh diatasi jika mendapat peruntukan kira-kira RM1.8 juta untuk penyelenggaraan semula kemudahan itu. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Mohd Arshad Ismail, berkata permohonan peruntukan itu sudah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat. Beliau mengakui masalah terbabit sebenarnya berpunca kepada kecuaian penduduk kampung berkenaan yang enggan mengeluarkan wang sebagai bayaran bil elektrik setiap bulan hingga menyebabkan berlaku kerosakan dan terbiar begitu sahaja.

“Peringkat awal selepas pembinaan loji air dan penyediaan paip ke setiap rumah penduduk di situ dulu, mereka berjanji akan mengeluarkan perbelanjaan dengan kadar terendah setiap bulan bertujuan menampung bayaran bil elektrik untuk operasi enjin pengepam air dari tangkungan berhampiran. “Namun, disebabkan penduduk itu sendiri melepas tangan, keadaannya terbiar hingga bekalan air paip terputus, ” katanya ketika melakukan lawatan mengejut untuk meninjau sendiri kemudahan air paip Kampung Perala, petang kelmarin. Mengulas mengenai perkara itu yang menjadi isu hangat selepas masalah berkenaan disiarkan media baru-baru ini, beliau berkata, Kesedar bertanggungjawab membaik pulih semula kemudahan air paip yang mengalami kerosakan itu.

6 Mac 2009 (Jumaat)

Smidec salur geran, pinjaman RM1.14b

Oleh Zuraidah Mohamed zmohamed@bharian.com.my



HAFSAH berucap pada pelancaran Karnival Usahawan 2009, di Kuala Lumpur, semalam.

Usaha bantu firma PKS bermasalah ditingkat

PERBADANAN Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) sehingga ini sudah menyalurkan geran dan pinjaman berjumlah RM1.14 bilion kepada lebih 20,000 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini. Ketua Eksekutifnya, Datuk Hafsa Hashim, berkata Smidec menjangkakan permohonan bagi pinjaman dan geran itu akan terus meningkat tahun ini berdasarkan pelbagai inisiatif disediakan, termasuk bantuan penyediaan pelan perniagaan yang baik. Katanya, perbadanan itu juga akan terus mengambil langkah proaktif dalam membantu syarikat PKS yang dikenal pasti hampir 'gulung tikar' ketika berdepan kelembapan ekonomi global. "Langkah itu termasuk menstruktur semula pelan perniagaan dan pinjaman syarikat PKS terbabit bagi memastikan mereka terus berdaya tahan serta mampu mengendalikan pengurusan kewangan dengan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Krisis Kewangan Global dan Kesannya Terhadap PKS di Malaysia,' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, semalam. Daripada kaji selidik yang dijalankan terhadap 1,143 responden November tahun lalu, mendapati 3.7 peratus syarikat dalam sektor pembuatan dan 5.6 peratus syarikat sektor perkhidmatan merancang menutup perniagaan sekiranya terus berdepan tekanan ekonomi. Sehubungan itu, Hafsa berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan Smidec termasuk menggalakkan syarikat PKS tempatan untuk menerokai peluang perniagaan dan pasaran baru, selain mengekalkan penguasaan pasaran dalam usaha untuk terus bertahan.

"Banyak syarikat bertindak mengurangkan pengeluaran produk dan kos, selain mengkaji semula pelan perniagaan serta mengurangkan pelaburan, khususnya dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka," katanya. Beliau berkata, pembangunan sektor PKS adalah penting terhadap pertumbuhan ekonomi negara kerana sektor berkenaan adalah penyumbang terbesar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Katanya, sektor PKS menyumbang 32 peratus kepada KDNK pada 2005 dan sumbangan itu disasarkan meningkat kepada 37 peratus pada 2010 dan 40 peratus pada 2020.

6 Mac 2009 (Jumaat)

Rencana - Krisis kewangan dedah kesan buruk globalisasi

Oleh Dr Zaini Ujang



RIBUAN kenderaan tersadai di Hiratsuka, Tokyo, kelmarin. Krisis ekonomi dunia menjelaskan eksport kereta Jepun ke seluruh dunia. - Foto Reuters

Kuasa ekonomi dunia perlu amal pendekatan pelestarian pembangunan untuk hadapi isu subprima prosisekonomi

TIGA perkara besar diuar-uarkan sebagai arus perdana ketika bermula alaf baru kira-kira sembilan tahun lalu, iaitu globalisasi, K-ekonomi dan perubahan iklim. Ketiga-tiga perkara ini seolah-olah wajib difahami di kalangan komuniti perdagangan, intelektual dan birokrat. Hal ini seterusnya diterjemahkan dalam bentuk dasar dan strategi dalam pelbagai sektor. Salah seorang rakan saya pernah ditemubual untuk kenaikan pangkat kira-kira sembilan tahun lalu. Malangnya beliau tidak dapat menjawab dengan tepat dan meyakinkan mengenai ciri-ciri globalisasi yang antara lain membabitkan integrasi global dari segi barang, modal dan pekerjaan. Lebih malang lagi, beliau sinis terhadap konsep dan kesan globalisasi.

Menurut beliau, globalisasi akan membuka banyak ruang sehingga menghilangkan citra istimewa dan ciri kebangsaan sesebuah negara. Bahasa ibunda sebagai contoh, semakin tersudut pengaruhnya, malah menjadi kurang relevan termasuk dalam konteks perdagangan dan pengajian tinggi. Dengan pendirian sedemikian, rakan saya itu tergolong dalam kelompok pesimis atau barangkali pada anggapan panel temu duga, tidak mengikuti perkembangan semasa. Akibatnya beliau gagal dalam temubual. Hari ini – dalam kegawatan ekonomi dunia – banyak pihak mula memikirkan semula konsep dan rasional globalisasi. Suara sinis mengenai globalisasi semakin lantang kedengaran. Malah, Perdana Menteri Britain, Gordon Brown turut kritikal terhadap gagasan globalisasi dalam konteks krisis kewangan antarabangsa.

Bermula dengan krisis subprima di Amerika Syarikat pada 2007, dunia ketika ini menyaksikan krisis ekonomi dan kewangan menular ke seluruh dunia yang sering kali diungkapkan sebagai entiti global tanpa sempadan. Menurut ramai pakar ekonomi, krisis ini adalah paling parah sejak kemelesetan global kira-kira 80 tahun lalu. Semua petunjuk ekonomi mencatatkan penurunan mendadak atau lebih malang lagi hampir muflis, termasuk kewangan syarikat multinasional yang biasanya kebal-kemelesetan menerusi pelbagai strategi globalisasi. Satu demi satu syarikat gergasi mengumumkan masalah kewangan dan strategi untuk terus survival menerusi bantuan kewangan pakej rangsangan ekonomi. Malah, syarikat insurans terbesar dunia, AIG yang sepatutnya paling stabil untuk meyakinkan pelanggan mencatatkan kerugian paling besar dalam sejarah korporat dunia untuk tahun kewangan 2008.

Pada akhir 2008, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi dunia berkembang hanya 2.2 peratus pada 2009, kurang separuh berbanding 2007. Namun demikian, IMF baru saja mengumumkan ramalan terkini hanya 0.5 peratus iaitu kadar terendah dalam tempoh 60 tahun. Bahkan banyak pihak meramalkan kadar 0.5 peratus itu masih dianggap terlalu optimistik. Paling teruk mengalami kemelesetan ekonomi ialah negara terlalu bergantung kepada perdagangan global daripada sumbangan kepada KDNK. Singapura misalnya menyumbang 186 peratus nilai eksport kepada KDNK ketika ini mengalami pengecutan ekonomi. Hal ini ketara menerusi penguncutan sebanyak 17 peratus pada suku keempat 2008. Nilai eksport Taiwan pula menyumbang 60 peratus kepada KDNK yang dijangka mengalami pengecutan 11 peratus tahun ini.

Menurut IMF lagi, ekonomi negara maju dijangka mengecut dengan purata dua peratus, kecuali Jepun (2.6 peratus) dan Jerman (2.5 peratus) yang banyak bergantung kepada eksport. Negara membangun yang banyak bergantung kepada pasaran dan perdagangan antarabangsa misalnya dalam bidang pelancongan juga dijangka turut mengalami pengecutan ekonomi ketara. Pertubuhan Pelancongan Dunia melaporkan pengurangan pelancong sebanyak satu peratus pada separuh tahun pertama 2008 berbanding lima peratus setahun selama empat tahun berturut-turut sebelumnya.

Namun demikian negara membangun seperti India dan China nampaknya masih terus mencatatkan peratus pertumbuhan ekonomi positif, biarpun berlaku pengurangan ketara. India misalnya dijangka akan mengalami kadar pertumbuhan 7.1 peratus sehingga April 2009. Dengan nilai eksport hampir 15 peratus terhadap KDNK, maka purata pertumbuhan ekonomi 2009 dijangka lima peratus. China masih mencatat pertumbuhan positif 6.8 peratus pada suku keempat 2008. Menerusi pakej rangsangan ekonomi lebih AS\$600 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Wen Yanbao semalam maka kadar pertumbuhan ekonomi China dijangkakan pada lapan peratus tahun ini. Bagaimanapun jumlah eksport China mencatatkan penurunan 18 peratus dan import 43 peratus pada 2008 sehingga Januari lalu. Brazil pula mencatatkan penguncutan sejak suku keempat 2008. Ketika-tiga negara terbabit mempunyai persamaan dari segi pasaran domestik yang besar, dan sistem perbankan stabil tidak dipengaruhi dasar liberalisasi. Situasi ekonomi gawat ini menjadikan gagasan globalisasi semakin tidak popular. Realitinya globalisasi mendedahkan seluruh negara – kecil atau besar, kaya atau miskin – kepada ancaman dan ketidaktentuan global. Dalam keadaan sedemikian, sukar untuk mengawal dan menghalang kesan global dalam bentuk pengaliran modal, barang apatah lagi kemelut kewangan.

Banyak dasar yang diumumkan untuk mengawal kemelesetan ekonomi pada peringkat kebangsaan ketika ini – misalnya dari segi kewangan dan rangsangan ekonomi – menunjukkan peranan ekonomi sesebuah negara semakin bergantung kepada kuasa global yang entah di mana titik gravitinya. Itulah sebabnya ramai pemikir pembangunan dan pakar ekonomi mula gusar mengenai pengaruh buruk globalisasi. Globalisasi menyukarkan perancangan ekonomi, apatah lagi pelestarian pembangunan. Banyak konsep pelestarian yang sebelum ini mempunyai komponen alam sekitar misalnya semakin tersudut akibat faktor kewangan.

Kadar pengangguran semakin meningkat, dan kesejahteraan masyarakat juga kian terancam. Itulah latar belakang sehingga menyebabkan ahli ekonomi Filipina, Walden Bello menulis buku terbaru *Deglobalisation: Ideas for a New World Economy*. Beliau tidak keseorangan dalam mengkritik globalisasi. Banyak pemimpin negara termasuk Presiden China turut pesimis. Bahkan rakan saya yang gagal dalam temubual kenaikan pangkat itu juga nampaknya tambah lantang mengemukakan pelbagai hujah bahawa globalisasi lebih banyak mendatangkan risiko dalam konteks pengurangan peranan institusi lokal dan penghakisan ciri berunsur kebangsaan. Beliau juga mempersoalkan kebijaksanaan panel temu duga yang terlalu taksub dan pasrah dengan gagasan dan idealisme globalisasi.

6 Mac 2009 (Jumaat)

Minda Pengarang: Pakej rangsangan perlu elak kerena birokrasi

KEMENTERIAN Kewangan kelmarin mengumumkan RM5.29 bilion atau 76 peratus daripada dana pakej rangsangan bernilai RM7 bilion yang diumumkan November lalu sudah diagihkan. Menurut Ketua Pegawai Operasi Unit Pengurusan Projek (PMU) di Kementerian Kewangan, Datuk Mohd Othman Zainal Azim, semua projek itu sedang rancak dilaksanakan di seluruh negara dengan kira-kira 38,000 projek yang memberikan manfaat, terutama kepada kontraktor Kelas F. Kita menyambut baik penjelasan itu kerana sebelum ini ada pihak mendakwa pakej rangsangan RM7 bilion itu lambat dilaksanakan dan mempersoalkan bagaimana pula kerajaan mahu membentangkan pakej kedua atau bajet mini pada Selasa jika pakej terdahulu belum diagihkan. Kita lega kerana butiran yang dinyatakan oleh Kementerian Kewangan itu sekurang-kurangnya membolehkan rakyat mengetahui status kemajuan pakej rangsangan pertama.

Ketelusan ini perlu diteruskan selepas bajet mini dibentangkan supaya rakyat tahu berapa peruntukan sudah diagihkan, di mana lokasi projek dan setakat mana kemajuannya. Selepas ini mereka juga ingin melihat kesan pakej pertama dan kedua itu dengan harapan ia dapat menghalang negara daripada terjerumus ke kemelesetan ekonomi yang teruk. Walaupun ekonomi beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat atau lebih dekat lagi negara jiran Singapura sudah meleset, secara teknikal Malaysia belum lagi ke tahap kelembapan iaitu apabila pertumbuhan ekonomi negatif untuk dua suku tahunan berturut-turut. Ekonomi Malaysia pada suku keempat tahun lalu masih positif tetapi itu hanyalah di atas kertas tetapi kesan kelembapan dunia sudah dirasai oleh rakyat. Justeru, kita berharap bajet mini, yang bacaan pertamanya dibentangkan di Dewan Rakyat semalam membabitkan peruntukan RM10 bilion dapat menghalang ekonomi negara daripada terus mengucup.

Lebih penting, rakyat harus diberitahu mengenai keadaan sebenar masalah ekonomi supaya mereka bersedia dengan sebarang kesan lebih teruk yang bakal dihadapi. Pada masa sama, semua pihak perlu diberi keyakinan bahawa kerajaan mampu menangani situasi politik dan masalah ekonomi sekarang kerana tanpa keyakinan terutama daripada pelabur, agak sukar untuk memulihkan ekonomi dalam jangka masa singkat. Kita berharap peruntukan dalam bajet mini nanti digunakan sebaik mungkin untuk projek yang bukan saja memberi kesan positif terhadap ekonomi negara, malah membantu menggerakkan aktiviti ekonomi rakyat supaya tempias kegawatan ekonomi kurang dirasai.

Kepada pihak kementerian dan agensi kerajaan berkaitan, hendaklah responsif apabila melulus, mengagih dan melaksanakan setiap projek di bawah pakej ini bagi mengelak kelewatan yang mungkin dihambat oleh kerena birokrasi. Tindakan segera pada semua peringkat amat perlu bagi memastikan pakej itu dilaksanakan mengikut jadual di tengah-tengah rakyat tersepit dengan tekanan ekonomi, selain peningkatan kadar pengangguran kesan pemberhentian pekerja.

6 Mac 2009 (Jumaat)

EPU diarah kaji projek jambatan Sabah, Labuan

LABUAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Unit Perancang Ekonomi (EPU) memberi perhatian berhubung cadangan pembinaan jambatan menghubungkan Sabah dengan Labuan. Mengakui ia bukan sesuatu yang boleh dilaksanakan serta-merta, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, rangkaian laluan darat Sabah dengan pulau bebas cukai yang dikenali sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) itu mampu merangsang pembangunan setempat serta sektor pelancongan. "Saya harap kajian kesesuaian yang sudah dibuat Labuan akan menjadi kenyataan suatu hari nanti. "Untuk itu, saya akan cadangkan supaya EPU beri perhatian perkara ini. Ia baik untuk kemajuan Labuan, termasuk perkembangan Hab Pengedaran Halal yang dibangunkan di sini," katanya.

Cadangan pembinaan jambatan berkenaan mula disuarakan pada 1997. Tahun lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique; berkata kerajaan melantik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan kajian berhubung kewajaran jambatan dibina menghubungkan Labuan dengan Menumbok di Sabah. Kajian berkenaan antara lain merangkumi kesan baik dan buruk pembinaan jambatan yang dianggar sepanjang 17 kilometer dengan kos kira-kira RM550 juta. Sementara itu, Abdullah berkata, Pulau Layang-Layang yang terkenal dengan terumbu karang dan aktiviti selam skuba, berpotensi dijadikan pusat pelancongan berdasarkan hidupan marin. Beliau yang melawat pulau itu semalam, berkata ramai pelancong ke situ dan ia petanda baik untuk industri pelancongan negara. "Saya amat gembira dengan pembangunan di kawasan ini, lebih baik berbanding dulu. Saya harap kawasan itu terus dipelihara dengan baik," katanya. Perdana Menteri kagum dengan kemudahan yang disediakan kepada pelancong yang berkunjung ke Pulau Layang-Layang yang pernah dilawatinya 20 tahun lalu. Dengan bentuk memanjang dan dikelilingi lautan yang jernih dan ditumbuhi rumput laut, Pulau Layang-Layang kelihatan seperti mutiara terapung di tengah laut.

7 Mac 2009 (Sabtu)

Badan khas atasi isu kediaman atas tanah rizab



ZAMBRY beramah mesra bersama kakit angan kerajaan negeri pada Majlis Perhimpunan dan 'Executive Talk' di Ipoh, semalam.

IPOH: Kerajaan Perak menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyelesaikan dengan kadar segera isu orang ramai yang mendirikan kediaman di tanah kerajaan atau tanah rizab. Walaupun tidak memberi data, Menteri Besar, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, berkata isu berkenaan dianggap serius dan membabitkan berpuluhan-puluhan ribu keluarga dari semua kaum di seluruh Perak. Katanya, ada kampung yang sudah didirikan antara 50 hingga 90 tahun dan mereka sudah memohon geran sejak 20 hingga 30 tahun lalu tetapi tidak diproses oleh Pejabat Tanah dan Galian. Beliau berkata, kerajaan negeri bercadang mengazetkan tanah itu sebagai tanah kediaman kerana mereka sudah pun tinggal di kawasan terbabit bertahun-tahun.

"Masalah tanah kediaman rakyat adalah salah satu keutamaan saya supaya kerajaan negeri mewartakan tanah ini sebagai kawasan penempatan dan orang ramai boleh tinggal secara sah. "Ada masalah pentadbiran menyebabkan permohonan mereka tidak diproses selepas bertahun-tahun manakala di sesetengah tempat, penduduk kampung tidak memohon untuk mewartakan kawasan kediaman mereka. "Sebahagiannya mendirikan kampung di pesisir sungai dan sukar untuk memindahkan mereka yang sudah mendiami kawasan berkenaan sejak berpuluhan-puluhan tahun," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan dan 'Executive Talk' di sini, semalam. Zambry berkata, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Abdul Rahman Hashim dan dianggotai oleh pegawai daerah seluruh negeri. Beliau berkata, antara kawasan yang sudah dikenal pasti ialah kampung Cina di Kuala Sepetang, kampung Melayu di Kuala Kurau dan Kampung Kurnia Jaya, Taiping yang didiami pelbagai kaum. Katanya, jawatankuasa berkenaan hanya akan mewartakan tanah kediaman di kampung baru dan Rancangan Penempatan Tersusun (RPT), tanpa membabitkan kawasan pertanian yang diteroka tanpa kebenaran. Ketika ditanya mengenai status pemberian tanah hak milik kekal untuk RPT dan Kampung Tersusun oleh kerajaan Pakatan Rakyat sebelum ini, Dr Zambry berkata, perkara itu perlu dibawa ke mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN). "Saya tidak mengatakan tindakan mereka salah atau saya betul tetapi perkara ini mesti diselesaikan oleh kerajaan menerusi MTN," katanya.

8 Mac 2009 (Ahad)

Kerajaan perlu rombak kaedah pinjaman rumah

Oleh Haspaizi Mohd Zain bhkb@bharian.com.my

Pembentangan Perbendaharaan masih tak cukup: Cuepacs

KOTA BHARU: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), meminta Perbendaharaan mengkaji semula kaedah penilaian pinjaman kepada kakitangan kerajaan yang ingin membina rumah. Presidennya, Omar Osman, berkata bahagian berkenaan seharusnya meluluskan pinjaman kepada kakitangan kerajaan mengikut jumlah permohonan selain berdasarkan kadar gaji peminjam, supaya tidak membebankan masa depan mereka. Katanya, ramai kakitangan kerajaan yang membuat pinjaman membina rumah, ada yang akhirnya terpaksa meminjam daripada pihak lain kerana permohonan yang diluluskan tidak

mengikut jumlah pinjaman yang dipohon. "Contohnya, permohonan yang layak mendapat pinjaman RM100,000, tetapi yang diluluskan hanya RM70,000. Sepatutnya Perbendaharaan meluluskan pinjaman mengikut jumlah dikehendaki kerana mereka berhak mendapat pinjaman itu," katanya.

Omar berkata, pihaknya kesal tindakan Perbendaharaan itu menyebabkan peminjam terpaksa mencari sumber lain seperti berhutang atau meminjam dari pihak tertentu untuk memenuhi kos yang diperlukan untuk membina rumah. "Bagi saya tidak ada masalah untuk meluluskan pinjaman mengikut kemampuan peminjam, lebih-lebih lagi harga rumah kini mahal. Jika pinjaman kepada peringkat atasan diluluskan dengan segera, mengapa golongan bawahan perlu didiskriminasikan," katanya.

Sementara itu, Pertubuhan Projek Rumah Rakyat Kelantan (PRRK) menganggap usaha menyediakan rumah pada kadar harga rendah kepada kakitangan kerajaan di negeri ini akan terbantut, jika pinjaman yang diluluskan tidak mengikut jumlah yang dipohon oleh peminjam. Yang Dipertua PRRK, Datuk Hanifi Awang, berkata apabila jumlah diluluskan tidak mengikut permohonan, ia tentu memberi kesan kepada pengguna membina rumah, sekali gus membantutkan usaha membina rumah murah kepada kakitangan kerajaan. Katanya, pihaknya sentiasa berusaha membantu menyediakan kemudahan berkenaan, namun apabila pinjaman yang diluluskan tidak seperti yang diharapkan, pembinaan rumah terpaksa ditangguhkan kerana peminjam tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi. "Ada peminjam yang layak mendapat pinjaman penuh contohnya sehingga RM100,000, tetapi hanya mendapat separuh daripada permohonan itu. "Dalam menyediakan kemudahan kediaman kepada kakitangannya, kerajaan harus membuat penilaian terbaik bagi meluluskan permohonan supaya tidak membebankan golongan berkenaan," katanya.

9 Mac 2009 (Isnin)

Tindakan MPOB tarik lesen atas kegiatan orang tengah

KUALA PILAH: Tindakan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menarik balik lesen menjual buah tandan segar (BTS) sawit kepada koperasi dan individu di semua tanah rancangan Felda, mulai Januari lalu bukan menindas atau menyalimi peneroka. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hasan Malek yang bertanggungjawab membantu Timbalan Perdana Menteri menguruskan hal-ehwal Felda berkata, tindakan itu membendung kegiatan orang tengah dan peraih yang memajak lesen kepada pihak luar.

Beliau berkata, kesannya peneroka rugi besar akibat penjualan keluar BTS kepada kilang swasta yang menyebabkan hutang atau caruman mereka tidak dapat dikutip. "Penarikan balik lesen oleh ini diputarbelitkan Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) yang didalangi pembangkang dengan mendakwa berlaku penyelewengan.

"Sebenarnya, isu utama, mereka tidak berpuas hati dengan tindakan MPOB menarik balik lesen itu, sedangkan ia bertujuan melindungi dan memastikan kepentingan peneroka terus terjamin," katanya selepas sambutan Maulidur Rasul di Masjid Kampung Kuala Jemapoh, Juasgeh, semalam.

9 Mac 2009 (Isnin)

Rencana - Bajet Mini boleh rangsang pertumbuhan ekonomi

Oleh Manja Ismail



SERAMAI 7,000 kehilangan pekerjaan di Singapura sejak tiga bulan lalu ekoran krisis ekonomi. Malaysia juga tidak terkecuali menerima tempiasnya selepas krisis subprima melanda Amerika Syarikat.

Rakyat perlu bersama kerajaan untuk cari formula terbaik menangani kesan kegawatan global

KESAN krisis ekonomi dunia semakin dirasai di negara ini, manakala keadaan di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah bukan saja belum menampakkan sebarang bayang pemulihan, malah semakin parah walaupun pelbagai pendekatan sudah diambil oleh kerajaan masing-masing. Terbaru, Bank of England menurunkan penanda aras kadar faedahnya ke paras terendah sejak penubuhan pada 1694 serta mengikut jejak AS mencetak lebih banyak mata wang mereka untuk membendung kemelesetan berterusan. Walaupun secara teknikalnya Malaysia belum pada tahap kemelesetan, perangkaan terbaru Bank Negara dan Jabatan Perangkaan menunjukkan ekonomi kita juga akan mengikuti jejak Singapura yang sudah mencatatkan pertumbuhan negatif untuk dua suku tahunan berturut-turut.

Perangkaan terbaru menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku terakhir tahun lalu hanya mencatatkan pertumbuhan satu peratus berbanding tempoh sama pada 2007, manakala nilai pelaburan mengucup sebanyak 10.1 peratus. Faktor utama pertumbuhan yang rendah itu ialah jatuhnya permintaan luar. Eksport bersih negara jatuh 40.1 peratus ekoran krisis ekonomi dihadapi negara maju yang menjadi pembeli utama barang kita. Pada masa sama, permintaan dalam negeri juga semakin menurun apabila rakyat lebih berhati-hati berbelanja kerana bimbang dengan masa depan yang tidak menentu. Sehingga kini tiada siapa yang dapat menjangka bilakah kemelut ekonomi ini akan berakhir, sebaliknya sudah ramai

pakar ekonomi meramalkan kesan krisis kali ini lebih teruk dan mengambil masa untuk pulih berbanding Great Depression 1932.

Berdasarkan senario inilah, perhatian akan tertumpu kepada Bajet Mini bagi merangsang ekonomi negara yang akan dibentangkan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen esok. Walaupun peruntukan RM10 bilion itu sudah diumumkan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2009 untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, Khamis lalu, bagaimana dan ke mana wang itu dibelanjakan, akan diumum oleh Najib esok. November lalu, Najib mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pertama dengan tambahan perbelanjaan RM7 bilion untuk mengukuhkan daya tahan serta mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi persekitaran global yang mencabar. Bagaimanapun, ketidaktentuan ekonomi global yang semakin meruncing menyebabkan pakej berjumlah RM7 bilion itu dianggap tidak mencukupi bagi membantu memacu ekonomi negara dalam jangka panjang. Malah, ada suara yang mendakwa kesan rangsangan pertama itu kurang dirasakan oleh rakyat. Kerana itu, Najib dilaporkan berkata, pakej rangsangan ekonomi kedua yang dikenali sebagai Bajet Mini ini dijangka membabitkan jumlah peruntukan lebih besar serta dilengkapi kaedah pengagihan lebih cekap serta terancang bagi memastikan keberkesanannya.

Antara lain ia akan memberi tumpuan terhadap program latihan semula pekerja dan peruntukan berkaitan kepentingan dan peningkatan mutu hidup rakyat terutama dalam tiga aspek iaitu pengangkutan awam, rumah kos rendah dan pendidikan. Apa pun bentuk Bajet Mini nanti, aspek lain yang tidak kurang pentingnya bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi ialah keyakinan semua pihak khususnya pelabur dan rakyat terhadap kemampuan kerajaan untuk menangani dan mengatasi krisis. Masalah ekonomi, sama ada dipanggil krisis, kelembapan, kemelesetan atau kegawatan bukan sesuatu yang asing bagi Malaysia, malah sejak merdeka hampir setiap dekad ia berlaku. Bezanya ketika beberapa krisis ekonomi terdahulu berlaku, politik dalam negeri cukup stabil sekali gus memberikan keyakinan kepada pelabur dan rakyat bahawa ia dapat dipulihkan segera. Selain itu, rakyat juga secara psikologi dibawa bersama kerajaan untuk sama-sama menghadapi kesukaran apabila mereka bukan saja diberitahu mengenai keadaan sebenar ekonomi negara, malah dididik dengan pelbagai kempen.

Ketika krisis ekonomi akhir 1990-an misalnya, Majlis Tertinggi Umno mengerahkan tenaga veterannya untuk berkempen menyedarkan orang kampung dan mengajak rakyat berkurban menghadapi kegawatan. Disebabkan ramai yang mananam sayur di belakang rumah masing-masing ketika itu, ia menimbulkan masalah kepada peniaga kerana harga sayur jatuh. Barangkali, kesibukan pemimpin politik merebut jawatan dalam pemilihan Umno sejak peringkat bahagian tahun lalu hingga ke peringkat Pusat akhir bulan ini, menyebabkan mereka menangguhkan dulu soal ekonomi walaupun kesannya ke atas rakyat tidak pernah menunggu waktu. Mendengar banyaknya wang bertukar tangan ketika kempen pemilihan sekarang memberi isyarat seolah-olah krisis ekonomi dunia tidak memberi sebarang kesan kepada sebahagian calon dan ejen-ejen mereka. Semoga selepas tamatnya pemilihan nanti perhatian boleh diberikan kepada pelaksanaan Bajet Mini ini dengan jentera kerajaan di pusat, negeri dan daerah digerakkan untuk membantu rakyat menghadapi kesan krisis ekonomi yang semakin

meruncing ini. Walaupun masalah rakyat luar bandar ialah kenaikan harga barang keperluan harian, mereka juga harus disedarkan dengan keadaan dan punca sebenar permasalahan ini dalam konteks negara dan global. Walaupun rakyat termasuk masyarakat desa semakin kritikal, jika pemimpin politik dilihat ikhlas turun padang memberi penjelasan, hati mereka mudah dimenangi.

10 Mac 2009 (Selasa)

Selatan: Penduduk risau beberapa kampung 'ditelan' laut

Oleh Mustapha Ismail bhnews@bharian.com.my



KESAN hakisan yang dapat dilihat di Kampung Teluk Wawasan.

BATU PAHAT: Kajian awal menunjukkan sebahagian kawasan di daerah ini mungkin akan lenyap daripada peta Johor, jika tindakan segera tidak diambil bagi mengatasi masalah hakisan yang semakin serius di kawasan berkenaan. Berikut itu, kira-kira 30,000 penduduk beberapa kampung sepanjang pantai antara Rengit hingga Semerah kini berada dalam keadaan ketakutan serta bimbang dengan keselamatan mereka. Bagi penduduk di Parit Botak, Kampung Sungai Punggor, Kampung Sri Pantai, Kampung Sungai Lurus, Kampung Parit Balak, Kampung Teluk Wawasan dan Parit Bakong serta Kampung Parit Simin, mereka kini pasrah dengan kejadian yang berlaku di kawasan berkenaan kerana mereka tidak mampu untuk mengatasinya.

Petanda awal dapat dilihat dengan jelas, apabila beratus hektar kawasan daratan di kampung terbabit sudah bertukar menjadi sebahagian laut Selat Melaka. Antara kawasan dikesan paling teruk terjejas adalah Kampung Sungai Punggor Laut serta Kampung Sungai Lurus yang menyebabkan kira-kira satu kilometer kawasan daratan terhakis dan bertukar menjadi laut.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Prof Dr Abdul Aziz Abdul Samad, berkata pemerhatian awal pihaknya mendapati masalah hakisan di tempat terbabit berpunca daripada arus atau ombak laut kuat serta keadaan tanah pantai yang tidak kukuh.



HAKISAN yang semakin serius membimbangkan penduduk.

“Kita sudah menubuhkan satu pasukan kajian khas mengenai masalah hakisan pantai yang terjadi di kawasan antara Rengit hingga Semerah ini. Tempoh kajian menyeluruh bakal dilakukan itu dijangka mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan. “Selain memberi tumpuan terhadap kajian keadaan yang menjadi punca utama kepada masalah dihadapi itu, kami juga akan mengemukakan cadangan tindakan atau aktiviti perlu dilaksana serta kos diperlukan. “Antara langkah atau tindakan difikirkan sesuai untuk mengatasi masalah ini, ialah membina benteng bagi menghalang ombak laut daripada terus memukul dan menghakis kawasan pantai,” katanya.

Penduduk, Sulizaman Wahab, 36, berkata kejadian serta tahap hakisan di kawasan pantai terletak antara Rengit hingga Semerah itu, agak membimbangkan dan meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera. “Selain membina benteng baru, JPS perlu memastikan benteng sedia ada kukuh serta lebih tinggi dari paras air pasang tertinggi, bagi mengelak air laut melimpah ke kawasan sekitar ketika musim pasang besar serta ombak kuat. “Terdapat beberapa bahagian tertentu benteng sedia ada di sepanjang kawasan pantai, termasuk di Kampung Parit Balak sudah rosak dan mungkin akan runtuh jika terus dipukul ombak kuat. “Jika gagal dilaksana, saya tidak menolak kemungkinan beberapa kawasan di daerah ini akan hilang daripada peta negeri berdasarkan kepada hasil kajian awal itu,” katanya.

Pengusaha kolam ternakan udang, Yaakob Daeng Munabek, 76, menyarankan supaya JPS membina benteng di luar pantai, bagi menggalak lebih banyak pokok bakau tumbuh di bahagian dalam benteng. “Benteng dibina itu tidak saja dapat menahan ombak daripada terus menghakis pantai, tetapi pada masa sama membolehkan lebih banyak pokok bakau tumbuh dan sekali gus mengukuhkan kawasan pantai. “Justeru, kami berharap JPS menyegerakan pembinaan atau membaikpulih benteng sedia ada, bagi mengelak air laut melimpah serta menenggelamkan ke kawasan,” katanya.

Nelayan di Kampung Teluk Wawasan, Adam Hamsan, 49, berkata masalah hakisan di pantai kampung berkenaan didakwa menimbulkan banyak kesulitan kepada lebih 60 nelayan tradisional yang berpangkalan di situ. “Masalah yang didapati semakin kritikal sejak tiga tahun lalu itu, menyebabkan kuala sungai menjadi sempit dan cetek, sekali gus menyulitkan nelayan keluar ke laut atau mendaratkan hasil tangkapan di jeti berhampiran. “Hakisan berkenaan turut menyebabkan kawasan yang sebelum ini dijadikan tempat meletak kenderaan, musnah dan menjadi sebahagian daripada laut. Jadi, saya berharap pihak terbabit mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini,” katanya.

10 Mac 2009 (Selasa)

Selatan: Mendapan tebing tidak dibaiki

Oleh Zalifah Mohd Yatim bhnews@bharian.com.my



LUBANG besar hasil mendapan dipenuhi sampah sarap.

MUAR: Tindakan membiarkan begitu saja sebahagian projek pengukuhan di tebing Sungai Muar di pekan Panchor, dekat sini, selepas mendapan tanah Jun tahun lalu, merisaukan penduduk setempat selain boleh membahayakan pengguna jalan raya. Projek pengukuhan tebing sungai itu terhenti selepas berlaku mendapan tanah sehingga menyebabkan sebahagian batu besar yang diletakkan di situ terpaksa dibuang bagi mengelakkan kejadian lebih buruk. Projek terbengkalai dan tanah mendap terbiar itu, terletak kira-kira 100 meter dari tempat kejadian permukaan jalan raya di tebing Sungai Muar yang mendap pada 20 April lalu sehingga menyebabkan lebih 500 peniaga dan pengunjung pasar malam di situ lari bertempiaran.

Tinjauan mendapati projek sepanjang kira-kira 80 meter itu ditinggalkan terbiar dan terdapat lubang besar yang kini dipenuhi sampah sarap dan ditumbuhi lalang serta digenangi air terutama ketika air pasang. Jika dibiarkan, ia dibimbangi boleh menyebabkan berlaku kejadian tidak diingini terutama terhadap orang ramai yang tidak biasa dengan kawasan berkenaan. Sebuah bongkah batu juga terbiar di tebing sungai itu.

Seorang penduduk, Aminudin Syafie, 23, berkata, projek itu tidak sewajarnya dibiarkan terbengkalai kerana mencacatkan pemandangan di situ, lebih-lebih lagi projek di lokasi kejadian tanah runtuh di tapak pasar malam sudah disiapkan. "Kenapa projek di sini, yang jarak hanya kira-kira 100 meter dari tempat kejadian tidak diteruskan? Kawasan tebing yang runtuh tahun lalu sudah siap tetapi bahagian tebing ini masih lagi terbiar," katanya.

Sementara itu, Mohd Nor Mingon, 67, berkata, pihak berkuasa perlu membina tembok penghadang hakisan di pekan Panchor bagi mengelakkan mendapan, yang jika dibiarkan boleh menjelaskan struktur bangunan kedai dan jalan di situ. Beliau berkata, kawasan itu menjadi tumpuan pelancong terutama kaki pancing udang dari Kuala Lumpur, Selangor mahupun Singapura terutama pada hujung minggu dan cuti sekolah, sekali gus dapat membantu menambah pendapatan penduduk setempat. Pengusaha bot, Tee Kon Yeok, 50, pula berkata masalah tanah mendap perlu segera diatasi supaya tidak mematikan industri pelancongan.

10 Mac 2009 (Selasa)

Bajet Mini beri impak besar dalam jangka pendek

Oleh Zainab Mohd Yatim bhbiz@bharian.com.my

Pakej kedua dijangka sedia lebih banyak peruntukan, insentif

BAJET Mini yang akan dibentangkan di Parlimen petang ini, dijangka menumpukan usaha ke arah merangsangkan ekonomi negara termasuk menyediakan inisiatif untuk projek bersaiz kecil, tetapi mampu memberi impak yang besar dalam jangka pendek. Bajet dengan anggaran peruntukan antara RM10 bilion hingga RM20 bilion itu juga dijangka menumpukan langkah meminimumkan pemberhentian pekerja khususnya dalam sektor perkilangan, menerusi penyediaan insentif mengurangkan kos melaksanakan perniagaan di kalangan majikan terbabit.

Ketua Penyelidik, MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Zulkifli Hamzah, berkata pakej rangsangan kedua itu dijangka menyediakan lebih banyak peruntukan dan insentif dalam usaha kerajaan memastikan negara berupaya berdepan suasana kemelesetan ekonomi semasa. Katanya, inisiatif itu termasuk termasuk melaksanakan projek bersaiz kecil, tetapi mampu memberi impak yang besar dalam jangka pendek, selain memastikan rakyat memiliki pekerjaan.

Beliau berkata, antara projek berimpak besar termasuk penyelenggaraan infrastruktur dan pembangunan infrastruktur berskala kecil. "Bagi memastikan rakyat mempunyai pekerjaan pula, kerajaan mungkin memperkenalkan insentif mengurangkan kos melaksanakan perniagaan, selain berkongsi kos yang berkaitan dengan gaji pekerja. 'Kerajaan juga akan cuba mengurangkan kos melaksanakan perniagaan dan ini dilakukan bagi memastikan sektor perniagaan tidak memberhentikan pekerja masing-masing," katanya ketika dihubungi semalam.

Zulkifli menambah, Persekutuan Majikan Malaysia sendiri mahukan kerajaan mengurangkan tarif elektrik, mengurangkan sumbangan majikan kepada 10 peratus, menghentikan sumbangan kepada Dana Pembangunan Sumber Manusia dan mengurangkan cukai korporat kepada 20 peratus. Beliau juga yakin kerajaan tidak memberi tumpuan terhadap pemberian insentif pemotongan cukai memandangkan pendekatan ini tidak sesuai diperkenalkan ketika pendapatan dijangka terjejas akibat krisis ekonomi, sebaliknya menyalurkan perbelanjaan terus kepada sasaran.

"Kami yakin kerajaan lebih cenderung untuk menyalurkan perbelanjaan terus kepada sasaran. pemotongan cukai bukan satu pilihan yang menarik kerana perolehan tahun ini juga dijangka menerima tekanan daripada kemelesetan ekonomi," katanya.

Ketua Pakar Ekonomi CIMB Research, Lee Heng Guie, juga menjangkakan peruntukan Bajet Mini lebih besar daripada yang dianggarkan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha, sebanyak RM10 bilion seperti diumumkan minggu lalu.

"Kami yakin bajet mini akan menawarkan lebih banyak manfaat di luar pakej peruntukan, termasuk insentif dan pengurangan kos mengendalikan perniagaan," katanya yang mensasarkan saiz Bajet Mini sekitar RM15 bilion. Ahli Ekonomi Kanan Bank Islam Malaysia Bhd, Azrul Azwar Ahmad Tajudin, juga sependapat dengan menganggarkan negara memerlukan antara RM20 bilion hingga RM25 bilion untuk memulihkan negara daripada krisis.

"Krisis yang dihadapi amat hebat. Ramai rakyat menjadi mangsa kehilangan pekerjaan. Bagi memulihkannya perbelanjaan yang lebih besar diperlukan dan saya yakin isu penyediaan pekerjaan kepada rakyat akan diberi perhatian lebih besar dalam Bajet Mini," katanya.

10 Mac 2009 (Selasa)

Dua Penolong Gabenor baru Bank Negara



BANK Negara Malaysia melantik Bakarudin Ishak dan Dr Sukhdave Singh sebagai Penolong Gabenor bank pusat itu berkuat kuasa 5 Mac 2009. Bank pusat itu dalam kenyataan, menyatakan Bakarudin berkhidmat di Bank Negara sejak 1985 dan menyandang beberapa jawatan kanan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing dan Pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful serta dilantik sebagai Ketua Eksekutif Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear) pada 1 Disember, 2008.

"Sebagai Pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bakarudin memainkan peranan penting dalam menyokong usaha BNM membangunkan sektor kewangan Islam negara serta memperkenalkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam," kata kenyataan itu.

Sukhdave pula yang memiliki ijazah PhD dalam bidang Monetari dan Ekonomi Antarabangsa dari Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat memulakan kerjayanya di bank pusat pada 1986. Kenyataan itu menambah, semasa berkhidmat di Bank Negara, Sukhdave bertugas di Jabatan Ekonomi dan menerajui kajian dalam bidang dasar monetari. Pada 2005, beliau dilantik sebagai Pengarah Jabatan Analisis Strategi dan Monetari. Sukhdave juga mempengerusikan Kumpulan Kerja Dasar Monetari di bank pusat sejak beberapa tahun lalu.

11 Mac 2009 (Rabu)

Rangsangan RM60 bilion

Oleh Saidon Idris saidon@bharian.com.my



NAJIB ketika membentangkan bajet Mini bagi menghadapi krisis ekonomi global di parliment, semalam.

- ☒ **Peruntukan pakej dilaksana dalam tempoh 2 tahun**
- ☒ **Kerajaan terbit bon tambah pendapatan rakyat**

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan RM60 bilion dalam pakej kedua bagi merangsang kegiatan ekonomi dan mengelak negara daripada terjejas teruk oleh krisis ekonomi dunia yang disifatkan paling buruk dalam tempoh 70 tahun. Pakej rangsangan menyeluruh, menjangkau lebih banyak sektor dan kumpulan sasaran itu menumpukan kepada empat teras, iaitu mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan; meringankan beban rakyat; membantu sektor swasta menghadapi krisis ekonomi semasa; dan membina keupayaan masa depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkannya di Dewan Rakyat semalam, berkata peruntukan pakej itu, yang bersamaan sembilan peratus nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan terbesar dalam sejarah ekonomi negara, akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun. Daripada jumlah itu, RM15 bilion adalah suntikan fiskal, RM25 bilion dalam bentuk Dana Jaminan; RM10 bilion pelaburan ekuiti, RM7 bilion inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan perbelanjaan luar bajet; serta RM3 bilion dalam bentuk insentif cukai. Bagi agihan berdasarkan teras pula, RM2 bilion diperuntukkan bagi teras pertama, RM10 bilion (teras kedua), RM29 bilion (teras Ketiga), dan RM19 bilion (teras keempat).

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, saiz perbelanjaan itu akan meningkatkan defisit Bajet Kerajaan Persekutuan, yang dianggarkan naik kepada 7.6 peratus tahun ini daripada anggaran 4.8 peratus sebelum ini. Bagaimanapun, katanya, kerajaan yakin dasar fiskal negara mempunyai fleksibiliti dan keupayaan menampung defisit lebih tinggi yang akan dibiayai oleh sumber dalam negara.

Beliau menegaskan, pakej rangsangan kedua itu perlu dilaksanakan kerana krisis ekonomi global semasa, bermula daripada krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat (AS) pada pertengahan 2007 membawa kesan yang jauh lebih meluas serta mendalam, dan setakat ini masih belum nampak tanda pemulihian. Malah, katanya, lebih separuh ekonomi utama dunia, terutama di AS, kawasan Eropah serta Jepun, telah mengalami penguncutan ekonomi paling buruk sejak 'Kemelesetan Terburuk' pada 1930-an.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkembangan ekonomi dunia yang amat negatif itu mula memberikan kesan ke atas ekonomi negara dalam suku keempat tahun lalu dengan eksport dan pengeluaran industri mula merosot dan pelaburan berkurangan, manakala sentimen pengguna juga turut terjejas. Persekitaran ekonomi global bagi tahun ini dijangkakan lebih sukar dengan AS, iaitu ekonomi dan negara perdagangan terbesar dunia, diramal mengalami pertumbuhan ekonomi negatif 1.6 peratus, sementara United Kingdom negatif 2.8 peratus, dan Jepun negatif 2.6 peratus. Di rantau ini pula, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura akan terus mengalami kemelesetan ekonomi, iaitu masing-masing pada negatif 2 peratus.

"Malaysia kini berdepan keadaan ekonomi amat mencabar yang memerlukan kerajaan mengkaji semula unjuran pertumbuhan KDNK. Namun, Kerajaan yakin bajet asal 2009 dengan peruntukan RM206 bilion serta pakej rangsangan pertama berjumlah RM7 bilion ringgit dan pakej kedua ini mampu mengurangkan kesan penguncutan ekonomi global ke atas ekonomi negara. "Jika usaha ini tidak diambil, ekonomi negara akan mengalami kemelesetan serius. Dengan langkah yang diambil, pertumbuhan KDNK negara dijangka dalam lingkungan -1 peratus hingga satu peratus," katanya.

Sementara itu, di bawah teras pertama iaitu mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan, kerajaan antara lain akan mewujudkan 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta, mengisi 63,000 jawatan di pelbagai agensi kerajaan dan memberikan insentif cukai kepada syarikat yang mengambil pekerja yang diberhentikan. Kerajaan juga akan menampung kos yuran pengajian masing-masing sebanyak RM10,000 dan RM20,000 bagi pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah dan sarjana serta mengembangkan skop skim Prosper Siswazah.

Bagi teras kedua pula, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung, selain RM480 juta supaya kadar tol lebuh raya tidak dinaikkan. Sebanyak RM200 juta pula diperuntukkan sebagai peruntukan tambahan kepada Syarikat Perumahan Negara Bhd untuk membina rumah mesra rakyat, sementara bagi membantu pembeli rumah, kerajaan akan memberikan pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman perumahan sehingga RM10,000 setahun selama tiga tahun.

Bagi menambahkan lagi pendapatan rakyat, kerajaan akan menerbitkan Bon Simpanan Kerajaan berlandaskan Syariah berjumlah RM5 bilion tahun ini dengan kadar pulangan lima peratus setahun. Untuk membantu syarikat termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula, kerajaan antara lain akan menujuhkan Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Dana Jaminan Penstrukturkan Semula Industri masing-masing dengan dana RM5 bilion; serta sebuah Institusi Jaminan Kewangan dengan modal awal RM1 bilion.

Bagi menggerakkan sektor automotif, kerajaan bersama dengan Proton dan Perodua mewujudkan skim pelupusan kereta di mana pemilik sebarang jenama kereta yang mahu melupuskan kereta berusia lebih 10 tahun akan diberikan diskaun RM5,000 bagi membeli kereta baru. Najib turut mengumumkan yang kerajaan akan meningkatkan dana pelaburan

Khazanah Nasional sebanyak RM10 bilion yang akan dilaburkan dalam projek impak tinggi dalam tempoh dua tahun akan datang; mengenal pasti projek pelaburan bernilai RM5 bilion yang akan dilaksanakan secara di luar bajet; serta penyediaan dana sebanyak RM2 bilion bagi pelaksanaan projek melalui Inisiatif pembiayaan Swasta (PFI).

11 Mac 2009 (Rabu)

Sabah & Sarawak: Nelayan sambut baik keputusan tak wajibkan kotak ikan berinsulasi

KUCHING: Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (Penesa) semalam mengalu-alukan keputusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk tidak mewajibkan semua pemberong ikan menggunakan kotak ikan berinsulasi yang dicadangkan sebelum ini. Pengerusinya Jamali Basri, berkata keputusan itu, membuktikan kementerian terbabit sentiasa mengambil kira pelbagai pendapat dari beberapa pihak termasuk bantahan daripada kalangan pemberong ikan, sebelum ini. Bagaimanapun katanya, orang ramai terutama masyarakat nelayan termasuk kalangan pemberong ikan tidak boleh mengambil kesempatan terhadap keterbukaan kementerian terbabit. "Keputusan kementerian itu untuk tidak mewajibkan semua pemberong ikan menggunakan kotak ikan berinsulasi yang diumumkan kelmarin bukan membayangkan pihak terbabit tidak tegas dengan apa keputusan sebelum ini. "Keputusan itu dibuat, selepas kementerian berkenaan menerima beberapa maklum balas daripada banyak pihak berhubung dengan cadangan itu," katanya kepada Berita Harian, ketika diminta mengulas perkara itu semalam.

Kelmarin Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Menterinya Datuk Mustapa Mohamed, berkata kementeriannya memutuskan penggunaan kotak ikan berinsulasi tidak diwajibkan untuk digunakan oleh pemberong-pemberong ikan.

Beliau berkata perkara itu diputuskan kelmarin selepas langkah mewajibkan penggunaan kotak pintar itu mendapat bantahan ramai kalangan pemberong. Sehubungan itu, beliau berkata isu ini sudah dianggap selesai. Sebelum ini, penggunaan kotak itu mendapat bantahan keras oleh pemberong ikan di seluruh negara kerana kos penggunaannya dikatakan amat tinggi berbanding penggunaan kotak sedia ada.

Mustapa juga berkata kementeriannya kini memutuskan untuk memberikan insentif kewangan kepada pemberong yang menggunakan kotak ikan berinsulasi itu. Beliau berkata jumlah insentif kewangan itu akan diumumkan minggu depan, selepas beberapa perbincangan mengenainya selesai. Katanya adalah tidak benar semua pemberong ikan memboikot penggunaan kotak itu kerana berdasarkan pemantauan, pihaknya mendapati kira-kira 10 peratus pemberong ikan menggunakan kotak tersebut. Mustapa berkata dengan pengumuman itu beliau berharap semua peniaga ikan di negara tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga ikan seperti yang berlaku sebelum ini.

11 Mac 2009 (Rabu)

Timur: Kesedar usah lengah tanam semula kelapa sawit

GUA MUSANG: Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) diminta menyelesaikan segera program tanam semula ladang kelapa sawit membabitkan sembilan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) agensi itu yang tertangguh sejak setahun lalu. Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata berikutan kelewatan melaksanakan program berkenaan menyebabkan lebih 2,000 peneroka yang bergantung kepada hasil ladang hidup tertekan terutama dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau berkata, Kesedar tidak sewajarnya melengah-lengahkan program itu dan perlu melakukan secara serentak di seluruh RKT Kesedar supaya setiap peneroka mendapat faedah daripada pulangan hasilnya. Ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agong Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Renok Baru, dekat sini, petang semalam, beliau menerima banyak rungutan daripada peneroka berhubung perkara itu. "Kita mahu pengurusan Kesedar memandang serius masalah dihadapi peneroka kerana mereka tidak ada punca pendapatan lain kecuali ladang itu untuk menyara hidup keluarga dan amat membebankan terutama mereka yang mempunyai keluarga ramai," katanya.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno Bahagian Gua Musang, berkata walaupun program tanam semula ladang peneroka sudah dimulakan di RKT Kesedar Renok Baru lebih setahun lalu tetapi masih belum selesai sepenuhnya. "Malah, ada peneroka yang hidup tertekan berikutan menghadapi masalah itu terpaksa mencari peluang pekerja lain kerana wang sara hidup yang dibayar setiap bulan juga tidak mencukupi untuk perbelanjaan mereka. "Zaman kita membangunkan ladang RKT Kesedar itu dulu hanya mengambil masa dua tahun setengah saja tetapi kenapa masa ini yang menggunakan pelbagai jentera moden lebih daripada masa yang ditentukan itu," katanya.

Beliau menyifatkan kakitangan Kesedar tidak mengambil perhatian serius dan lebih tertumpu kepada tugas lain yang tidak mendatangkan faedah kepada peneroka terbabit. Katanya, beliau tidak dapat membayangkan nasib masa depan peneroka berkenaan apabila keadaan ekonomi negara bertambah teruk berikutan krisis ekonomi global dan sudah tentu akan terus dicengkam kemiskinan. "Kita mahu Kesedar mengambil langkah untuk menyegerakan program tanam semula ladang terbabit kerana hampir semuanya sudah berusia hampir 30 tahun dan tidak lagi dapat mengeluarkan hasil untuk perbelanjaan peneroka," katanya.

11 Mac 2009 (Rabu)

Bajet Mini: Dana pelaburan Khazanah akan ditambah RM10 bilion

Oleh Azli Ayobazliayob@bharian.com.my



NAJIB membentangkan pakej rangsangan kedua di Parlimen, semalam.

Tumpuan pada sektor domestik tawar peluang pekerjaan

KERAJAAN akan meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) sebanyak RM10 bilion dalam tempoh dua tahun akan datang untuk dilaburkan dalam sektor pelaburan domestik yang mempunyai kesan penggandaan yang tinggi dan mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan pakej rangsangan kedua di Dewan Rakyat semalam berkata, pelaburan Khazanah itu akan ditumpukan dalam sektor strategik termasuk telekomunikasi, teknologi, pelancongan, pertanian, sains hayat dan projek berkaitan Iskandar Malaysia.

“Tahun ini, Khazanah akan melabur RM3 bilion dalam sektor telekomunikasi yang membolehkan anak syarikatnya menambah baik infrastruktur jalur lebar negara. “Khazanah juga akan mempergiatkan pembangunan Iskandar Malaysia menerusi pelaburan RM1.7 bilion bagi pembinaan infrastruktur, hotel, taman tema serta universiti,” katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan Khazanah dalam sektor pertanian membabitkan projek Taman Akuakultur Udang seluas 1000 hektar di Setiu, Terengganu serta projek penanaman sayur-sayuran moden seluas 200 hektar di Cameron Highlands. “Secara keseluruhan, pelaburan Khazanah dan anak syarikatnya dijangka mewujudkan 70,000 peluang pekerjaan menjelang 2011,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelaburan Khazanah adalah sebahagian langkah memperkuuh dan mengembangkan kapasiti negara bagi memastikan ekonomi lebih berdaya tahan dan mempunyai asas kukuh apabila keadaan kembali pulih.

11 Mac 2009 (Rabu)

Bajet Mini: Skim Jaminan Modal Kerja RM5b



NAJIB yang diiringi Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (kanan) menunjukkan beg berisi dokumen pakej rangsangan kedua di Dewan Rakyat, semalam.

KERAJAAN akan menubuhkan Skim Jaminan Modal Kerja dengan dana berjumlah RM5 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata menerusi skim itu, kerajaan akan menyediakan jaminan dengan nisbah 80:20, iaitu 80 peratus kerajaan dan 20 peratus institusi kewangan yang menyediakan pinjaman bagi membiayai modal kerja syarikat. Had pinjaman, katanya, ialah RM10 juta bagi tempoh lima tahun dengan syarikat yang layak ialah yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM20 juta.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan menerima banyak rungutan daripada syarikat berhubung dengan kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan sungguhpun bagi projek yang berdaya maju. "Dengan adanya dana ini, kerajaan yakin institusi kewangan akan lebih bersedia untuk memberi pinjaman kepada syarikat terbabit," katanya.

Beliau menegaskan, adalah penting dalam keadaan kelembapan ini, institusi kewangan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyukarkan aliran kredit kepada syarikat, termasuk dengan mengenakan syarat yang lebih ketat. Katanya, ia adalah usaha kerajaan kepada usaha menyokong aktiviti sektor swasta agar terus dapat beroperasi dalam persekitaran yang sukar, selain melaksanakan langkah untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus mengembangkan ekonomi domestik. "Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan," katanya.

Pada masa ini, PKS merangkumi 99 peratus daripada jumlah perniagaan berdaftar di Malaysia dan menyumbang 56 peratus kepada jumlah pekerjaan serta 32 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ketika ini, Credit Guarantee Corporation (CGC) di bawah Bank Negara Malaysia sudah menyediakan Skim Jaminan Usahawan Kecil untuk membiayai modal kerja kepada PKS yang mempunyai dana pemegang ekuiti kurang daripada RM3 juta. Sementara itu, Najib berkata, kerajaan akan menubuhkan Skim Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri juga berjumlah RM5 bilion untuk pinjaman bagi meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah lebih tinggi serta menggalakkan aplikasi teknologi mesra alam.

Beliau menjelaskan, menerusi skim itu, bagi syarikat dengan dana pemegang ekuiti kurang daripada RM20 juta, kerajaan menyediakan jaminan berdasarkan nisbah 80:20, iaitu 80 peratus kerajaan dan 20 peratus institusi kewangan. Katanya, bagi syarikat dengan dana pemegang

ekuiti RM20 juta atau lebih, nisbah jaminannya adalah 50:50. Najib berkata, had maksimum pinjaman ialah sebanyak RM50 juta dengan tempoh pinjaman selama 10 tahun.

11 Mac 2009 (Rabu)

Rencana - Pakej RM60b perkukuh ekonomi negara hadapi kegawatan global

Ucapan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2009) di Dewan Rakyat, semalam

TUAN Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu', dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Pertama, 2009 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2009 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Krisis ekonomi global semasa, yang bermula daripada krisis kewangan sub-prima di Amerika Syarikat pada pertengahan 2007, telah membawa kesan yang jauh lebih meluas dan mendalam. Setelah hampir dua tahun sejak krisis kewangan global melanda, namun masih belum nampak tanda-tanda kembalinya kestabilan di sektor kewangan dan pemulihan ekonomi negara maju. Malahan lebih separuh daripada ekonomi utama dunia, terutamanya Amerika Syarikat, kawasan Eropah dan Jepun, telah terjerumus ke dalam kemelesetan. Negara-negara ini telah mengalami penguncutan ekonomi terburuk sejak The Great Depression pada 1930-an.

Walaupun negara maju telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi yang begitu besar melebihi AS\$3 trilion, sejumlah besar digunakan untuk menyelamatkan institusi kewangan dan syarikat gergasi mereka, namun masih belum dapat memulihkan keyakinan pengguna dan pelabur. Malah, pengumuman terkini menunjukkan kadar pengangguran di Amerika Syarikat berada di tahap 8.1 peratus, kadar tertinggi sejak 1983. Perkembangan ekonomi dunia yang amat negatif ini telah mula menampakkan impaknya ke atas ekonomi negara dalam suku keempat 2008. Eksport dan pengeluaran industri negara mula merosot dan pelaburan berkurangan. Sentimen pengguna juga turut terjejas. Berikut ini, Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) telah mencatatkan penurunan kadar yang ketara rendah sebanyak 0.1 peratus, berbanding dengan purata sebanyak 6.3 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama 2008.

Pengurangan ini disebabkan, terutamanya oleh penguncupan eksport bagi tempoh yang sama, telah mengalami kejatuhan nilai sebanyak 13.4 peratus. Kejatuhan eksport ini telah menjelaskan pertumbuhan sektor ekonomi, terutamanya pembuatan yang telah mencatatkan penguncupan sebanyak 8.8 peratus. Persekutuan ekonomi global bagi 2009 dijangka lebih sukar. Amerika Syarikat, yang merupakan ekonomi dan negara perdagangan terbesar di dunia, dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi negatif 1.6 peratus, sementara United Kingdom negatif 2.8 peratus dan Jepun negatif 2.6 peratus. Di rantau ini, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura akan terus mengalami kemelesetan ekonomi, iaitu masing-masing pada negatif 2 peratus, negatif 4 peratus dan negatif 4.9 peratus pada tahun ini.

Malah, Menteri Mentor Singapura telah membayangkan bahawa ekonomi Singapura akan menguncup negatif 10 peratus pada tahun ini. Sungguhpun ekonomi China dan India dijangka mencatat pertumbuhan positif 6.7 peratus dan 5.1 peratus, jangkaan pertumbuhan ini adalah pada kadar yang ketara rendah. Berikutan perkembangan ini, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) pada Januari 2009 sekali lagi mengurangkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia daripada 2.2 kepada 0.5 peratus bagi 2009. Setakat ini, usaha untuk memulihkan sektor kewangan di negara maju masih belum berjaya. Oleh itu, besar kemungkinan keadaan ekonomi global akan menjadi lebih buruk sebelum keadaan ekonomi menjadi pulih.

Ekonomi Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang menggalakkan sebelum ini kerana, antaranya kita telah berjaya meningkatkan perdagangan antarabangsa. Perdagangan negara mencakupi hampir 200 peratus daripada KDNK, iaitu antara yang tertinggi di dunia. Pertumbuhan ekonomi negara juga telah dijanakan oleh aliran masuk pelaburan asing yang tinggi dan pembangunan pasaran modal yang mantap. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia semasa, Malaysia terpaksa menerima hakikat bahawa ekonominya yang begitu terbuka akan menerima tekanan berikutan kegawatan ekonomi global melalui empat faktor:

Pertama: Nilai eksport negara dijangka berkurangan kerana permintaan dunia telah merosot dengan begitu ketara. Umpamanya, pada Januari 2009, eksport negara jatuh sebanyak 27.8 peratus;

Kedua: Eksport komoditi, terutamanya minyak dan gas serta kelapa sawit telah mengalami penurunan harga yang mendadak;

Ketiga: Berikutan kegawatan ekonomi dunia, kemasukan pelaburan asing juga akan berkurangan. FDI pada tahun ini dijangka hanya separuh, iaitu RM26 bilion berbanding dengan jumlah FDI pada 2008, iaitu RM51 bilion; dan

Keempat: Kejatuhan mendadak pasaran saham global telah menyebabkan kejatuhan pasaran saham Bursa Malaysia. Ini memberi kesan negatif kepada sektor perkhidmatan yang biasanya

berkembang pada kadar yang tinggi serta mempengaruhi sentimen pelabur dan pengguna. Dalam konteks senario ekonomi global yang begitu meruncing dan berasaskan empat faktor yang telah saya jelaskan, Malaysia kini menghadapi keadaan ekonomi yang amat mencabar. Ini memerlukan kerajaan mengkaji semula unjuran pertumbuhan KDNK negara bagi 2009. Namun, kerajaan yakin bajet asal 2009 yang memperuntukkan sejumlah RM206 bilion serta Pakej Rangsangan Pertama yang berjumlah RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua ini bertujuan mengurangkan kesan penguncutan ekonomi global ke atas ekonomi negara. Sekiranya usaha-usaha ini tidak diambil, ekonomi negara akan mengalami kemelesetan yang serius. Dengan langkah-langkah yang diambil, pertumbuhan KDNK negara dijangka di dalam lingkungan negatif satu peratus hingga positif satu peratus bagi 2009.

Program dan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sebanyak RM7 bilion sedang giat dilaksanakan. Setakat ini, RM6.5 bilion telah diagihkan kepada kementerian dan agensi. Sehingga kini, sejumlah RM1 bilion telah dibelanjakan. Ini termasuk 6,267 Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, 2,118 projek oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 1,594 projek oleh Kementerian Pelajaran dan 1,322 projek oleh Kementerian Kesihatan.

Adalah dijangkakan menjelang Jun 2009, jumlah keseluruhan kerja yang dapat ditawarkan serta dilaksanakan bagi memenuhi sasaran Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama ini bernilai RM5.2 bilion. Seperti yang telah diumumkan, pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama akan dipantau pelaksanaannya dengan rapi melalui sebuah unit khas iaitu Unit Pengurusan Projek, Kementerian Kewangan yang melapor terus kepada Menteri Kewangan. Dengan tertubuhnya unit ini, kerajaan akan memastikan sasaran Pakej Rangsangan yang pertama akan tercapai. Dengan ini, saya ingin mengumumkan bahawa unit ini juga akan memantau pelaksanaan Pakej Rangsangan Kedua dengan kerjasama Unit Penyelaras Pelaksanaan dan agensi-agensi yang berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan beriltizam untuk terus melakukan segala yang termampu untuk mengukuhkan keyakinan rakyat dan meringankan keperitan yang dirasai, terutamanya kepada mereka yang mudah terjejas. Saya yakin dengan semangat bersatu, kita mampu berdepan dengan persekitaran yang sukar dan mencabar ini, seperti yang pernah kita lalui bersama di dalam beberapa krisis yang terdahulu. Kerajaan akan memastikan bahawa kesejahteraan semua rakyat akan terus dibela dan tiada yang terpinggir daripada mendapat manfaat langkah-langkah yang dilaksanakan.

Memandangkan senario ekonomi global yang meruncing, maka Pakej Rangsangan Kedua ini perlu bersifat lebih komprehensif dan bersaiz besar yang menjangkau lebih banyak sektor ekonomi dan kumpulan sasaran. Ini termasuk pekerja, pengguna, pelabur, peniaga kecil dan sederhana, pengeksport dan graduan menganggur. Di samping itu, langkah-langkah yang dirangka dalam pakej rangsangan ini bukan saja memberi tumpuan kepada usaha merangsang ekonomi dalam tempoh terdekat, tetapi merangkumi juga inisiatif membina kapasiti ekonomi

jangka panjang. Ini akan menjamin Malaysia lebih bersiap sedia untuk meraih segera peluang tatkala ekonomi global kembali pulih kelak.

Saya menghargai peranan Perdana Menteri sebagai Pengurus Majlis Ekonomi Negara dalam melahirkan beberapa idea baru untuk menangani krisis pada kali ini. Paket rangsangan ini telah dirumuskan melalui perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk dengan Perdana Menteri sendiri. Paket rangsangan ini memberi tumpuan kepada empat teras utama, seperti berikut:

Pertama: Mengurangkan Pengangguran Dan Menambah Peluang Pekerjaan;

Kedua: Meringankan Beban Rakyat, Terutamanya Golongan Mudah Terjejas;

Ketiga: Membantu Sektor Swasta Menghadapi Krisis; dan

Keempat: Membina Keupayaan Masa Depan.

Maka dengan ini, sukacita saya mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan paket rangsangan berjumlah RM60 bilion. Paket ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun iaitu 2009 dan 2010. Daripada jumlah itu, RM15 bilion merupakan suntikan fiskal, RM25 bilion dana jaminan dan RM10 bilion pelaburan ekuiti, RM7 bilion inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan off-budget serta RM3 bilion insentif cukai. Jumlah RM60 bilion ini adalah hampir sembilan peratus daripada KDNK. Pelaksanaan paket rangsangan yang bersaiz besar seperti ini adalah kali pertama dilakukan dalam sejarah ekonomi negara.

Ini bukanlah kali pertama kita menghadapi krisis. Negara telah menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran, terutamanya pada 1969, 1972, 1986 dan 1997. Setiap krisis itu telah kita atasi dengan jayanya dan ekonomi negara telah muncul lebih kukuh. Hari ini kita berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang jauh lebih getir berbanding dengan krisis-krisis terdahulu. Bagaimanapun, berbekalkan pengalaman kita dalam menghadapi krisis dan semangat bersatu padu, saya yakin dan percaya kita akan terus bersama mengatasi cabaran yang semakin meruncing.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah RM60 bilion ini diperuntukkan kepada empat teras seperti berikut:

Teras Pertama RM2 bilion; Teras Kedua RM10 bilion; Teras Ketiga RM29 bilion dan Teras Keempat RM19 bilion. Daripada suntikan fiskal sebanyak RM15 bilion, sejumlah RM10 bilion adalah bagi tahun 2009 dan RM5 bilion bagi 2010. Jumlah RM10 bilion dalam tahun 2009 dibahagikan kepada RM5 bilion untuk belanja mengurus dan RM5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Saiz perbelanjaan ini sudah tentunya akan meningkatkan defisit Bajet Kerajaan Persekutuan, yang dianggarkan daripada 4.8 peratus kepada 7.6 peratus pada tahun ini.

Kerajaan yakin dasar fiskal negara mempunyai fleksibiliti dan keupayaan untuk menampung defisit yang lebih tinggi. Keupayaan kerajaan untuk memastikan kedudukan fiskal mapan jelas terlihat daripada kejayaan kita mengurangkan defisit daripada 5.3 peratus pada 2002 kepada 3.2 peratus pada 2007. Malahan, semasa negara mengalami penguncutan pertumbuhan ekonomi pada 1982, kita telah mengalami defisit 16.6 peratus, berikutan dasar fiskal mengembang, terutamanya untuk membina infrastruktur negara. Langkah ini telah meningkatkan potensi pertumbuhan negara yang telah membawa kepada kejayaan kita mencapai pertumbuhan ekonomi setinggi sembilan peratus pada awal 1990-an. Kerajaan akan memastikan kedudukan fiskal kerajaan akan kembali mapan.

Kerajaan yakin defisit ini akan dapat dibiayai daripada sumber dalam negeri, memandangkan tahap kecairan yang tinggi dalam sistem kewangan tempatan. Di samping itu, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan masih pada tahap yang berhemah. Pembiayaan defisit ini juga tidak akan menimbulkan kesan crowding out sektor swasta untuk mendapatkan dana, terutamanya daripada pasaran bon negara yang telah berkembang pesat dan kini, merupakan yang kedua terbesar di rantau Asia Timur.

Tuan Yang Dipertua,

TERAS PERTAMA:

MENGURANGKAN PENGANGGURAN DAN MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN

Dalam persekitaran ekonomi global semasa, terdapat syarikat, khususnya dalam sektor pembuatan, terpaksa memberhenti atau mengurangkan operasi. Ini dijangka mengakibatkan kadar pengangguran bagi 2009 meningkat kepada 4.5 peratus berbanding 3.7 peratus bagi 2008. Sejak Oktober 2008, seramai 25,000 telah kehilangan pekerjaan. Terdapat juga 30,900 pekerja yang telah diberhentikan secara sementara dan 23,900 yang terpaksa bekerja dengan pengurangan gaji. Selain dari ini, terdapat kira-kira 100,000 pekerja yang tidak dibenarkan membuat kerja lebih masa dan oleh itu, pendapatan mereka telah berkurangan dengan agak ketara.

Kerajaan amat prihatin dengan keperitan yang dihadapi oleh golongan pekerja yang diberhentikan, kesukaran yang ditanggung oleh siswazah menganggur dan keresahan yang turut dirasai oleh keluarga mereka. Untuk membantu mereka ini, kerajaan akan mewujudkan sebanyak 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Menyediakan Latihan Dan Mewujudkan Peluang Pekerjaan

Daripada 163,000 peluang latihan dan pekerjaan yang akan diwujudkan, sebanyak 100,000 adalah inisiatif usaha sama antara kerajaan dengan pihak majikan sektor swasta. Sasaran program ini adalah untuk memberikan manfaat kepada pekerja yang telah diberhentikan dan pekerja yang diberhentikan sementara serta mereka yang mengalami kekurangan pendapatan

dan siswazah menganggur. Program latihan ini akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, termasuk GLC dan institusi latihan swasta.

Tumpuan utama latihan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengikut keperluan industri serta memudahkan employability. Kerajaan juga akan melaksanakan penempatan pekerjaan dan memberi insentif kepada majikan untuk mengambil dan melatih pekerja tempatan. Ini juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Peruntukan sebanyak RM700 juta akan disediakan bagi tujuan ini. Antara program yang akan dilaksanakan termasuk:

Pertama: Menambah bilangan peserta di bawah Program Latihan Khusus dan Program Latihan Semula kepada pekerja yang telah diberhentikan dan Skim Latihan Dual Nasional untuk memberi kemahiran kepada golongan yang masih bekerja;

Kedua: Menambah program latihan dengan kerjasama pertubuhan industri dan syarikat-syarikat yang terlibat seperti elektrik dan elektronik, pengimpalan, robotik dan pembinaan. Di samping itu, lebih banyak latihan kemahiran industri dan teknikal akan dilaksanakan oleh Pusat Latihan Kemahiran di semua negeri bagi 10,000 orang pelatih;

Ketiga: Menyediakan latihan sambil bekerja untuk siswazah menganggur, terutamanya dalam sektor kewangan, oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara bagi tempoh dua tahun. Seramai 1,000 graduan yang menganggur akan menyertai program ini;

Keempat: Menyediakan 2,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di syarikat GLC, terutamanya dalam sektor perkhidmatan seperti outsourcing, penerangan, utiliti, kesihatan dan multimedia kreatif;

Kelima: PUNB akan melaksanakan program latihan sangkut untuk siswazah dan pemegang sijil kemahiran. Peserta akan ditempatkan di syarikat-syarikat investee PUNB selama enam bulan hingga satu tahun. Apabila tamat latihan, peserta layak mendapat bantuan kewangan di bawah PROSPER untuk memulakan perniagaan. PUNB mensasarkan 2,000 siswazah akan dapat dilatih di bawah program sangkut ini; dan

Keenam: Memantapkan lagi Program Tunas Mekar untuk menggalakkan siswazah mencebur入 bidang perniagaan dan menambah nilai kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Seramai 500 siswazah dan PKS akan menyertai program ini.

Kerajaan juga akan mewujudkan 22 JobsMalaysia Centre dan menambah baik 109 pusat yang sedia ada. Pusat ini akan ditempatkan di lokasi tumpuan awam, termasuk di kompleks membeli-belah, untuk memudahkan akses pekerja dan majikan bagi mendapatkan penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan maklumat mengenai peluang latihan yang disediakan. Di samping itu, lebih banyak karnival pekerjaan berskala besar di peringkat kebangsaan akan diadakan bagi memudahkan penganggur dan pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Kebajikan Pekerja Yang Telah Diberhentikan Kerja

Syarikat swasta perlu memainkan peranan bagi memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja termasuk di bawah Skim Pemisahan Sukarela (VSS). Untuk menyokong usaha ini, kerajaan mencadangkan majikan yang menggaji pekerja yang diberhentikan mulai 1 Julai 2008 diberi potongan cukai dua kali ke atas amaun gaji yang dibayar. Amaun potongan yang layak adalah tidak melebihi RM10,000 sebulan dan terhad kepada 12 bulan gaji untuk setiap pekerja. Galakan ini berkuat kuasa bagi pekerja yang dilantik mulai 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010.

Kita ambil contoh majikan yang mengambil seorang pekerja yang telah diberhentikan oleh syarikat lain dan membayar gaji sebanyak RM24,000 setahun. Biasanya potongan cukai kepada majikan adalah sebanyak RM24,000 dari keuntungan. Bagaimanapun, dengan langkah yang diumumkan ini, syarikat dibenarkan memotong sebanyak RM48,000 dari keuntungan iaitu dua kali ganda gaji. Ini adalah pengurangan cukai tambahan untuk syarikat sebanyak RM6,000, iaitu 25 peratus daripada RM24,000.

Mewujudkan Lebih Banyak Peluang Pekerjaan Di Sektor Awam

Kerajaan akan mengambil 63,000 kakitangan untuk mengisi kekosongan jawatan dan sebagai pegawai kontrak di pelbagai agensi kerajaan. Untuk ini:

Pertama: Pengisian segera 50,000 jawatan kosong di peringkat profesional dan sokongan dalam perkhidmatan awam Persekutuan. Bagi kumpulan sokongan, penurunan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan diberikan kepada agensi berkaitan; dan

Kedua: Mewujudkan 13,000 pekerjaan untuk pegawai secara kontrak di agensi kerajaan, antaranya:

- i. Mengambil tenaga kerja melalui skim perkhidmatan singkat yang melibatkan 4,000 tenaga kerja, berkelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia, dengan gaji sebanyak RM1,200 sebulan;
- ii. Mengambil seramai 1,000 siswazah sebagai guru sekolah secara kontrak dengan bayaran gaji bulanan RM2,000;
- iii. Mengambil pekerja kontrak seramai 800 orang bagi memantapkan pelaksanaan Program Cari di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat untuk tempoh enam bulan hingga setahun;
- iv. Mengambil seramai 1,000 orang Pembantu Kesihatan Awam secara kontrak di Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja-kerja pengawalan dan pencegahan penyakit berjangkit seperti denggi;

v. Mengambil seramai 4,500 pegawai kontrak sebagai Pembanci Perangkaan di Jabatan Perangkaan untuk menjalankan benci penduduk; dan

vi. Mengambil 1,700 jururawat dan kakitangan sokongan hospital di Kementerian Kesihatan.

Di sini saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak akan menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai lantikan kontrak lebih awal dari tempoh yang ditetapkan kecuali atas sebab tindakan tatatertib atau prestasi yang tidak memuaskan.

Peluang Siswazah Untuk Melanjutkan Pelajaran

Dalam keadaan ekonomi semasa, kita perlu mengambil peluang melahirkan lebih ramai pakar dan profesional yang berkualiti di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah. Sehubungan itu, kerajaan bercadang menampung kos yuran pengajian dan bahan penyelidikan sebanyak RM20,000 bagi setiap pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran falsafah di dalam negara. Manakala bagi pelajar di peringkat sarjana, kerajaan akan menampung sebahagian daripada kos yuran, iaitu sebanyak RM10,000 setiap pelajar.

Sebanyak 500 tempat bagi ijazah kedoktoran falsafah dan 10,000 tempat bagi sarjana disediakan di institusi pengajian tinggi awam serta Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia dan Universiti Teknologi Petronas. Permohonan bagi program ini akan dibuka kepada semua warga negara Malaysia dan akan diputuskan berdasarkan merit. Kelayakan mendapat bantuan ini akan ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Skim PROSPER Siswazah

Skim PROSPER Siswazah telah dilaksanakan pada Jun 2005 untuk membantu siswazah yang berminat di dalam perniagaan runcit atau pengedaran untuk mendapatkan latihan, pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan. Mereka ditawarkan pembiayaan pinjaman mengikut prinsip syariah, di antara RM5,000 hingga RM50,000 dengan tempoh pembayaran selama tiga hingga tujuh tahun. Sehingga kini, sebanyak 334 perniagaan telah berjaya ditubuhkan. Untuk membangunkan lebih ramai lagi usahawan muda, PUNB akan mengembangkan skop skim PROSPER Siswazah dengan membuka peluang kepada pemegang sijil kemahiran dan teknikal. Seramai 400 siswazah lagi akan mendapat manfaat daripada program ini.

Usaha Mengurangkan Pekerja Asing

Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan. Untuk tujuan ini, langkah-langkah berikut akan diambil:

Pertama: Bayaran levi kepada pekerja asing akan dinaikkan sebanyak dua kali ganda bagi semua bidang kecuali pembinaan, perladangan dan pembantu rumah. Di samping itu, levi akan dibayar oleh majikan dan bukannya oleh pekerja;

Kedua: Pembayaran balik levi pekerja asing secara pro-rata kepada majikan sekiranya tempoh perkhidmatan pekerja asing disingkatkan berbanding dengan tempoh kontrak asal. Di samping itu, jaminan bank oleh majikan akan dikembalikan; dan

Ketiga: Membeku pengeluaran lesen agensi pengambilan pekerja asing (outsourcing) dan memperketat syarat-syarat pengambilan pekerja asing oleh syarikat sedia ada.

TERAS KEDUA:

MERINGANKAN BEBAN RAKYAT, TERUTAMA GOLONGAN MUDAH TERJEJAS

Usaha membasmi kemiskinan tetap menjadi agenda utama dan kita berazam untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Kerajaan akan memastikan usaha yang berterusan dibuat untuk pekebun sawit dan penoreh getah yang terjejas pendapatan, dibantu dari segi skim tanaman semula, tanaman integrasi dan ternakan melalui agensi yang berkaitan. Sekiranya kumpulan pekebun kecil ini mengalami kejatuhan harga kelapa sawit dan getah yang menyebabkan pendapatan mereka kurang daripada paras garis kemiskinan, kerajaan akan memastikan mereka juga mendapat faedah daripada Skim Jaringan Keselamatan Sosial. Untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas, usaha akan diambil untuk menambahkan pendapatan boleh guna isi rumah. Langkah ini juga akan memastikan agenda masyarakat penyayang terus diamalkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Semua ini membuktikan bahawa kita adalah barisan pembela rakyat yang menggalas amanah dengan penuh tanggung jawab.

Kerajaan telah memperuntukkan pelbagai subsidi, insentif dan bantuan bagi penggunaan bahan bakar, program jaminan makanan, skim biasiswa dan bantuan pendidikan serta program kebajikan masyarakat. Peruntukan subsidi dan bantuan lain berjumlah RM34.1 bilion atau 22 peratus daripada jumlah belanja mengurus pada 2008. Daripada jumlah ini, RM18.1 bilion adalah subsidi minyak, RM6 bilion dalam bentuk bantuan termasuk bantuan pelajar, orang kurang upaya dan keluarga miskin manakala RM3 bilion untuk bantuan makanan serta RM7 bilion bagi lain-lain bantuan. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kerumitan yang dihadapi rakyat dan akan berusaha supaya harga barang keperluan dan kos pengangkutan tidak membebangkan rakyat. Sebagai langkah meneruskan usaha murni ini, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung gandum.

Tanpa subsidi ini, harga gula akan meningkat 47 sen sekilo, tepung gandum akan meningkat 60 sen sekilo dan roti bagi 400 gram meningkat 26 sen. Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan RM480 juta supaya kadar tol tidak dinaikkan agar dapat membantu rakyat. Dengan ini, kerajaan memperuntukkan RM27.9 bilion bagi menampung keperluan subsidi untuk 2009.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

Dalam Pakej Rangsangan Pertama, sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk membina 6,500 unit rumah mesra rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Oleh kerana program ini mendapatkan sambutan baik daripada golongan pendapatan rendah, kerajaan akan menambah RM200 juta lagi di bawah pakej rangsangan ini. Pada masa ini, sentimen pelaburan di sektor perumahan tidak menggalakkan kerana pihak pemaju dan pembeli masing-masing mengambil sikap berhati-hati dalam membina dan memiliki rumah. Oleh itu, bagi merangsang sektor perumahan ini, kerajaan mencadangkan supaya pembeli rumah diberi pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman perumahan sehingga RM10,000 setahun selama tiga tahun.

Menambah Baik Infrastruktur Awam

Kerajaan akan terus meningkatkan tahap infrastruktur awam bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat di dalam pakej rangsangan ini. Selain daripada membina keupayaan masa depan negara, usaha ini juga dapat mempergiatkan aktiviti sektor pembinaan dan seterusnya mencergaskan permintaan domestik. Ke arah ini, langkah-langkah berikut akan diambil:

Pertama: Mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah RMK-9 yang mempunyai kandungan tempatan dan kesan pengganda yang tinggi, mesra rakyat serta boleh dimulakan segera. Kesemua projek tersebut bernilai RM8.4 bilion. Di samping itu, RM1.6 bilion adalah untuk dana menggalakkan pelaburan;

Kedua: Menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi kerja-kerja membaiki longkang yang tersumbat dan rosak, menyelenggara jalan raya, terutama menurap permukaan jalan yang rosak dan berlubang (potholes).

Di samping itu, kawasan persekitaran rumah pangsa akan diperbaiki agar lebih selesa untuk didiami. Ini termasuk kerja-kerja mengecat, membaiki lif dan menambah baik kemudahan tempat pembuangan sampah; dan

Ketiga: Menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian, menyelenggara dan membaik pulih rumah kebajikan, balai dan kuarters bomba serta tandas awam di masjid, surau dan kawasan pelancongan. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM150 juta akan disediakan.

Tuan Yang Dipertua,

Bon Simpanan Kerajaan

Untuk menambahkan lagi pendapatan rakyat, kerajaan akan menerbitkan Bon Simpanan Kerajaan berasaskan syariah berjumlah RM5 bilion pada tahun ini. Bon ini akan mempunyai tempoh matang selama tiga tahun pada kadar pulangan sebanyak 5 peratus setahun, yang akan dibayar kepada pemegang bon pada setiap suku tahun. Selain menyediakan satu lagi instrumen simpanan kepada rakyat, bon ini juga bertujuan memberikan peluang kepada pemegang untuk mendapat pendapatan tambahan yang tetap. Sebanyak RM250 juta setahun akan dimanfaatkan oleh pemegang bon. Bon ini dibuka kepada setiap rakyat berumur 21 tahun dan

ke atas, dengan pelaburan minimum sebanyak RM1,000 dan maksimum RM50,000.

Pembangunan Pendidikan

Bagi memantapkan lagi pembangunan modal insan terutamanya dalam menyediakan persekitaran yang selesa untuk pembelajaran, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM1.95 bilion bagi membina dan menambah baik kemudahan 752 sekolah, terutama di kawasan luar bandar serta Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM300 juta daripada peruntukan itu juga digunakan untuk menambah baik kemudahan sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina, SJK Tamil dan mission schools.

Kemudahan Asas Di Luar Bandar

Kerajaan akan terus memastikan rakyat di luar bandar menikmati kemudahan asas yang mencukupi terutamanya bekalan elektrik dan air serta jalan luar bandar. Ke arah ini, peruntukan RM230 juta telah disediakan untuk projek meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, peruntukan tambahan RM350 juta disediakan bagi pembinaan jalan luar bandar. Usaha ini akan meningkatkan aktiviti ekonomi melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, kerajaan juga akan menambahkan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk PIA dan PIAS, dengan memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak.

Program Di Sabah dan Sarawak

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada menyediakan infrastruktur serta meningkatkan aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan ini, sebanyak RM1.2 bilion akan diperuntukkan. Projek dan program yang akan dijalankan di Sarawak, termasuk pembesaran Lapangan Terbang Sibu, pengerukan Pelabuhan Miri, membaik pulih infrastruktur akibat banjir, menaik taraf sekolah, membina Pusat Latihan Lawas, Estet Perindustrian Kota Samarahan dan peningkatan kemudahan pelancongan.

Di Sabah pula, antara program dan projek utama yang akan dilaksanakan, termasuk pembinaan beberapa pusat Giat Mara, Sistem Penghantaran Elektrik Kota Kinabalu, menambah baik jalan, menaik taraf sekolah serta membaik pulih dan menggantikan jambatan-jambatan. Kerajaan juga akan mengambil tindakan menyelesaikan masalah perkhidmatan kesihatan di Hospital Queen Elizabeth, Sabah.

Program Mikro Kredit

Pada masa ini, ada beberapa program mikro kredit tanpa cagaran yang telah disediakan, termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, Bank Simpanan Nasional dan AgroBank. Jumlah dana mikro kredit yang disediakan di bawah program ini adalah melebihi RM1.5 bilion yang disalurkan kepada peniaga kecil di bandar dan luar bandar. Sebagai tambahan, program mikro kredit di bawah AgroBank akan diperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk membantu

golongan petani dan peniaga berasaskan pertanian di luar bandar dan RM50 juta untuk program mikro kredit di bawah TEKUN.

Pekerjaan sebagai nelayan melibatkan risiko yang tinggi dan sering terdedah kepada bencana alam seperti ribut, ombak besar dan lain-lain. Untuk membantu nelayan yang mengalami musibah di laut, kerajaan menyediakan peruntukan permulaan kepada Tabung Kebajikan Nelayan sebanyak RM2 juta, yang akan diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Membantu Golongan Kurang Bernasib Baik

Dalam Bajet 2009, peruntukan RM830 juta disediakan bagi melaksanakan program jaringan keselamatan sosial untuk menjamin kesejahteraan hidup golongan yang kurang bernasib baik. Ini termasuk warga emas, golongan kurang upaya dan ibu tunggal, kerajaan akan meningkatkan bantuan kewangan dan bilangan tenaga kerja yang mengurus kebajikan golongan ini. Dalam pakej ini, peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta akan disediakan bagi meningkatkan kemudahan pusat penjagaan harian warga tua, memantapkan pengurusan rumah perlindungan wanita dan menambah kemudahan pusat asuhan kanak-kanak.

Menjaga Kebajikan Pekerja Yang Diberhentikan

Kerajaan amat prihatin kepada nasib pekerja yang telah diberhentikan. Bagi meringankan beban dan meningkatkan pendapatan boleh guna pekerja terlibat, kerajaan mencadangkan pengecualian cukai yang diberi ke atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan sebanyak RM6,000 sekarang, dinaikkan kepada RM10,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan.

Galakan Kepada Bank Untuk Menangguh Bayaran Balik Pinjaman Perumahan

Kerajaan sedar bahawa pekerja yang diberhentikan berhadapan dengan masalah untuk membayar balik pinjaman perumahan. Untuk membantu mereka dalam hal ini, institusi perbankan telah bersetuju untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan oleh pekerja yang diberhentikan selama satu tahun. Bagi menyokong usaha institusi perbankan memberi kelonggaran ini, kerajaan bersetuju pendapatan faedah bank berkaitan penangguhan bayaran balik perumahan hanya dikenakan cukai apabila pendapatan itu diterima.

Tuan Yang Dipertua,

TERAS KETIGA:

MEMBANTU SEKTOR SWASTA MENGHADAPI KRISIS

Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menyokong aktiviti sektor swasta agar terus dapat beroperasi dalam persekitaran yang sukar. Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan

langkah-langkah untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus mengembangkan ekonomi domestik.

Skim Jaminan Modal Kerja

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam penjanaan pertumbuhan ekonomi negara dan pewujudan peluang pekerjaan. Pada masa ini, PKS merangkumi 99 peratus daripada jumlah perniagaan berdaftar di Malaysia dan menyumbang 56 peratus kepada jumlah pekerjaan serta 32 peratus kepada KDNK. Kerajaan sedar banyak PKS yang telah terjejas daripada persekitaran ekonomi global yang lebih sukar, terutamanya daripada penguncutan pasaran eksport. Pada masa ini, Credit Guarantee Corporation (CGC) di bawah Bank Negara Malaysia telah menyediakan Skim Jaminan Usahawan Kecil untuk membiayai modal kerja kepada PKS yang mempunyai dana pemegang ekuiti kurang daripada RM3 juta.

Kerajaan akan menubuhkan satu Skim Jaminan Modal Kerja berjumlah RM5 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM20 juta. Kerajaan akan menyediakan jaminan dengan nisbah sebanyak 80:20, iaitu 80 peratus kerajaan dan 20 peratus institusi kewangan yang menyediakan pinjaman bagi membiayai modal kerja syarikat. Had pinjaman ialah sebanyak RM10 juta bagi tempoh lima tahun. Saya menerima banyak rungutan daripada syarikat-syarikat berhubung dengan kesukaran mendapat pinjaman dari institusi kewangan sungguhpun bagi projek yang berdaya maju. Dengan dana ini, kerajaan yakin institusi kewangan akan lebih bersedia untuk memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat. Adalah penting dalam keadaan kelembapan ini, institusi kewangan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyukarkan aliran kredit kepada syarikat, termasuk dengan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat.

Dana Jaminan Penstruktur Semula Industri

Persekitaran ekonomi kini memberikan kita ruang untuk menambah baik struktur ekonomi negara untuk beranjak dengan lebih pantas ke arah peningkatan produktiviti dan nilai ditambah lebih tinggi serta penggunaan green technology. Selain daripada memantapkan lagi potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang, anjakan ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dengan ganjaran yang lebih tinggi selaras dengan kemahiran mereka, di samping mengurangkan pergantungan negara kepada guna tenaga asing bukan mahir.

Bagi membantu industri mempercepatkan anjakan ini, kerajaan akan menubuhkan Skim Dana Jaminan Penstruktur Semula Industri berjumlah RM5 bilion untuk pinjaman bagi meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah lebih tinggi serta menggalakkan aplikasi green technology. Di bawah Skim ini, bagi syarikat dengan dana pemegang ekuiti kurang daripada RM20 juta, kerajaan menyediakan jaminan berasaskan nisbah 80:20, iaitu 80 peratus kerajaan dan 20 peratus institusi kewangan. Bagi syarikat dengan dana pemegang ekuiti RM20 juta atau lebih, nisbah jaminannya adalah 50:50. Had maksimum pinjaman ialah sebanyak RM50 juta dengan tempoh pinjaman selama 10 tahun.

Memudahkan Akses Ke Pasaran Modal

Dalam keadaan pasaran sekarang, banyak syarikat yang sungguhpun mempunyai penarafan investment grade, berdaya maju dan berpotensi untuk berkembang, tidak dapat akses kepada pasaran modal terutama sekali pasaran bon. Untuk membantu dan mempermudahkan syarikat terbabit untuk mendapat akses kepada bon market, kerajaan akan menubuhkan Institusi Jaminan Kewangan atau Financial Guarantee Institution (FGI) untuk menyediakan penambahan kredit (credit enhancement) kepada syarikat swasta yang ingin mendapatkan pembiayaan pasaran bon. Langkah ini akan dapat mengembangkan lagi pasaran bon domestik. Institusi Jaminan Kewangan ini adalah milik penuh kerajaan. Bank Negara Malaysia akan menerajui penubuhan institusi ini. Pada permulaan, syarikat ini akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 bilion dan akan diperingkatkan kepada RM2 bilion kemudian. Adalah dijangkakan bahawa bon sebanyak RM15 bilion akan dapat diwujudkan di bawah kaedah ini.

Suruhanjaya Sekuriti (SC) juga akan melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk mengurangkan masa-ke-pasaran (time to market) bagi membantu syarikat untuk memperoleh modal dari pasaran modal dengan lebih efisien dan kos-efektif. Untuk ini:

Pertama: Cadangan terbitan hak (rights issues) oleh syarikat tersenarai tidak lagi memerlukan kelulusan SC;

Kedua: Terbitan dan tawaran sekuriti ekuiti oleh syarikat awam tidak tersenarai (unlisted public companies) dikecualikan daripada mendapat kelulusan SC memandangkan syarikat-syarikat ini, pada lazimnya mempunyai bilangan pemegang saham yang kecil;

Ketiga: Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998 tidak lagi terpakai kepada Syarikat Sendirian Berhad bagi memudahkan syarikat-syarikat ini melaksanakan penstrukturan, pengambilalihan dan percantuman;

Keempat: Bagi penerbitan bon dan sukuk, pindaan terma dan syarat terbitan bon dan sukuk yang telah mendapat kelulusan pemegang bon dan sukuk hanya perlu dimaklumkan kepada SC;

Kelima: Pindaan terma dan syarat bon serta sukuk bagi tujuan penyenaraian bon dan sukuk tersebut di Bursa Malaysia, hanya perlu dimaklumkan sahaja kepada SC; dan

Keenam: Bon boleh tukar (convertible and exchangeable bonds) adalah dikecualikan daripada keperluan penarafan mandatori (mandatory rating).

Tuan Yang Dipertua

Menarik Individu High-Net-Worth dan Berkemahiran

Anjakan paradigma ekonomi Malaysia kepada sebuah ekonomi yang berteraskan pengetahuan atau K-Ekonomi, memerlukan kemampuan kita untuk menarik bukan saja pelabur asing tetapi juga mereka yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang tertentu. Justeru, untuk mempercepatkan transformasi ini, kerajaan akan memperkenalkan satu program baru di mana status pemastautin tetap boleh dipertimbangkan kepada warga asing yang mempunyai aset bersih yang tinggi (high-net-worth individual) dan membawa masuk melebihi AS\$2 juta ke Malaysia untuk tujuan pelaburan atau penabungan. Di samping itu, golongan profesional asing yang berkemahiran tinggi juga boleh dipertimbangkan untuk diberi status yang sama.

Mengurangkan Kos Kendalian Perniagaan

Bagi meringankan beban syarikat-syarikat dalam menghadapi persekitaran operasi yang sukar, kerajaan akan memastikan kos kendalian perniagaan dapat dikurangkan. Untuk ini, kerajaan telah memberi pengecualian bayaran levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) selama enam bulan oleh majikan industri tekstil, elektronik dan elektrikal mulai 1 Februari 2009. Sebagai langkah tambahan, kerajaan bersetuju menurunkan kadar bayaran levi daripada satu peratus kepada 0.5 peratus bagi semua majikan selama dua tahun berkuat kuasa 1 April 2009. Melalui penurunan ini, majikan yang terlibat dapat menjimatkan kos perniagaan yang berjumlah RM390 juta.

Menggalakkan Sektor Automotif

Sektor automotif merupakan antara industri utama negara yang mempunyai potensi untuk terus dimajukan. Industri ini telah melahirkan ramai pembekal termasuk pengilang kelengkapan asal dan juga telah menyediakan banyak peluang pekerjaan. Dalam suasana ekonomi semasa, prestasi jualan industri automotif tidak menggalakkan dan banyak syarikat yang terlibat dengan rantai industri automotif berada dalam keadaan sukar. Syarikat-syarikat ini perlu disokong bagi membolehkan mereka meneruskan operasi walaupun permintaan yang rendah dan kos pengeluaran yang semakin meningkat. Untuk ini, kerajaan akan menambahkan peruntukan RM200 juta kepada Dana Pembangunan Automotif untuk terus menyokong pembangunan industri dan vendor automotif serta penubuhan Institut Automotif Malaysia.

Di samping itu, sebagai satu usaha sama antara kerajaan dengan sektor swasta, kerajaan akan membantu skim pelupusan kereta Proton dan Perodua. Di bawah skim ini, pemilik sebarang jenama kereta yang ingin melupuskan kereta mereka yang berusia 10 tahun atau lebih, akan menerima diskaun bernilai RM5,000 untuk membeli kereta baru. Kerajaan akan membiayai sebahagian daripada diskaun yang ditanggung oleh Proton dan Perodua. Skim ini akan memanfaatkan semua pihak kerana ia merangsang penjualan kereta, malah menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.

Industri Penerbangan

Industri penerbangan negara telah berkembang pesat, dengan jumlah pengendalian penumpang meningkat sebanyak 5 peratus kepada 47.4 juta penumpang pada 2008. Jumlah

penumpang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan tambang murah juga meningkat kepada 18.5 juta penumpang. Oleh kerana LCCT Sepang mempunyai kapasiti terhad untuk mengendali lebih ramai penumpang, MAHB akan membina dan mengendalikan LCCT baru di KLIA dengan kos RM2 bilion yang dijangka siap pada 2011.

Untuk menarik lebih ramai pelancong, terutama dari luar negara, usaha menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan mempunyai operasi di negara ini akan dipertingkatkan. Untuk ini, rebat sebanyak 50 peratus ke atas caj pendaratan akan diberikan kepada semua syarikat penerbangan yang mempunyai operasi di negara bagi tempoh dua tahun, bermula 1 April 2009.

Elaun Modal Dipercepatkan

Bagi menggalakkan entiti perniagaan membuat pelaburan, kerajaan mencadangkan perbelanjaan loji dan jentera diberikan Elaun Modal Dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh dua tahun. Layanan ini terpakai ke atas pelaburan yang dilakukan antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010.

Pada masa ini, perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih ke atas premis perniagaan tidak dibenarkan potongan cukai dan juga tidak layak menuntut elau modal. Untuk menggalakkan syarikat melakukan kerja-kerja ubahsuai dan baik pulih, kerajaan mencadangkan perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih yang dilakukan antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010 ke atas premis perniagaan diberi Elaun Modal Dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh dua tahun. Elau ini dihadkan sehingga RM100,000.

Carry Back Losses

Sebagai langkah untuk membantu syarikat yang terjejas dan mengalami kerugian akibat kesan daripada krisis ekonomi global, kerajaan mencadangkan kerugian tahun semasa syarikat dibenarkan dibawa ke tahun sebelumnya. Layanan ini akan membantu aliran tunai syarikat berbanding dengan layanan cukai sedia ada. Jumlah kerugian yang dibenarkan adalah sehingga RM100,000 setahun. Layanan ini terpakai bagi tahun taksiran 2009 dan 2010.

Kita ambil contoh, sebuah syarikat yang memperoleh keuntungan RM60,000 pada 2008 dan telah membayar cukai sebanyak RM15,600, iaitu 26 peratus daripada keuntungan. Pada 2009, syarikat ini mengalami kerugian RM40,000. Dengan membenarkan syarikat ini membuat potongan kerugian 2009 sebanyak RM40,000 daripada keuntungan RM60,000 pada 2008, keuntungan bagi 2008 dipinda menjadi hanya RM20,000. Oleh itu, cukai ke atas keuntungan yang dipinda adalah RM5,200. Dengan itu, syarikat itu akan mendapat pulangan balik cukai RM10,400, iaitu perbezaan di antara RM15,600 dan RM5,200.

Levi Keuntungan Atas Kelapa Sawit

Levi keuntungan luar biasa ke atas kelapa sawit dikenakan apabila harga minyak sawit mentah melebihi RM2,000 setan. Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini kos pengeluaran telah

meningkat dan threshold RM2,000 setan ini tidak mencerminkan paras keuntungan yang luar biasa. Sehubungan itu, paras threshold levi ini dinaikkan kepada RM2,500 setan bagi Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan bagi Sabah dan Sarawak.

Mempergiatkan Aktiviti Pelancongan

Industri pelancongan mempunyai potensi luas untuk dibangunkan dan mempunyai daya tahan walaupun dalam persekitaran kelembapan ekonomi dunia. Kerajaan akan meningkatkan pelaksanaan pelbagai program pelancongan bagi memanfaatkan kelebihan negara, termasuk eko-pelancongan, pelancongan kesihatan dan pendidikan. Bagi memajukan lagi industri pelancongan negara, kerajaan memperuntukkan RM200 juta untuk meningkatkan infrastruktur di kawasan pelancongan, mempelbagaikan produk pelancongan, menganjurkan lebih banyak persidangan dan pameran peringkat antarabangsa di Malaysia dan menambah baik program homestay. Selain itu, kerajaan akan memantapkan lagi Program Malaysia Rumah Keduaku dengan menimbangkan untuk mengeluarkan permit kerja kepada suami atau isteri peserta yang berkemahiran di bawah program ini.

TERAS KEEMPAT:

MEMBINA KEUPAYAAN MASA DEPAN

Krisis ekonomi global ini memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan langkah memperkuuh dan mengembangkan kapasiti negara bagi memastikan ekonomi lebih berdaya tahan dan mempunyai asas yang kukuh apabila keadaan kembali pulih. Antara usaha yang akan diambil adalah merangsang sektor pertumbuhan baru serta menstruktur semula industri ke arah produktiviti dan aktiviti nilai tambah tinggi.

Pelaburan Oleh Khazanah Nasional Berhad

Berdasarkan persekitaran luaran yang tidak menentu, adalah perlu bagi kerajaan mengambil peranan aktif dalam menggalakkan pelaburan swasta tempatan. Kerajaan akan meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM10 bilion. Dana ini akan dilaburkan oleh Khazanah bagi tempoh dua tahun akan datang dengan memberi keutamaan kepada aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Khazanah akan menumpukan pelaburannya dalam sektor strategik, termasuk telekomunikasi, teknologi, pelancongan, pertanian, sains hayat dan projek berkaitan Iskandar Malaysia.

Bagi 2009, Khazanah akan melabur RM3 bilion dalam sektor telekomunikasi yang akan antara lain, membolehkan anak syarikatnya menambah baik infrastruktur jalur lebar negara. Khazanah juga akan mempergiatkan pembangunan Iskandar Malaysia melalui pelaburan RM1.7 bilion pada 2009 untuk pembinaan infrastruktur, hotel, taman tema serta universiti. Projek pertanian yang akan dilaksanakan termasuk projek Taman Akuakultur Udang seluas 1000 hektar di Setiu, Terengganu serta projek penanaman sayuran moden seluas 200 hektar di Cameron Highlands.

Secara keseluruhannya, pelaburan Khazanah dan anak-anak syarikatnya dijangka dapat mewujudkan 70,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2011.

Projek Off-Budget

Kerajaan telah juga mengenal pasti projek pelaburan bernilai RM5 bilion yang akan dilaksanakan secara off-budget. Antara projek dalam kategori ini adalah seperti berikut:

Pertama: Terminal Kos Rendah (LCCT) di KLIA dan pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang yang masing-masing dianggarkan RM2 bilion dan RM250 juta;

Kedua: Projek peningkatan infrastruktur telekomunikasi, termasuk perpustakaan jalur lebar, Pusat Jalur Lebar Komuniti serta penyediaan telefoni asas di 89 daerah di kawasan luar bandar, sebanyak RM2.4 bilion oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan

Ketiga: Pembinaan jejantas dan laluan berbumbung antara bangunan terutamanya di kawasan Golden Triangle, Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM100 juta.

Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

Bagi mempergiatkan lagi aktiviti pelaburan swasta, kerajaan akan membantu pelaksanaan projek melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan kerjasama awam swasta (public-private partnership) dengan menyediakan dana sebanyak RM2 bilion. Syarikat swasta akan dipelawa untuk membida dana tersebut. Projek PFI yang akan dilaksanakan perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

Pertama: Pengusaha sektor swasta akan melaksanakan, membiayai dan menanggung risiko projek. Sebahagian besar hasil pendapatan projek ini perlu dijana daripada sektor swasta dan bukan sumber kerajaan;

Kedua: Bantuan pembiayaan kerajaan hanya sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan kos pelaburan projek. Ia hanya bertujuan sebagai tipping point untuk membolehkan sesuatu projek menjadi berdaya maju; dan

Ketiga: Projek yang dilaksanakan mesti merupakan yang strategik, seperti pendidikan, kesihatan, pelancongan; memberi hasil limpahan ekonomi yang tinggi; mewujudkan peluang pekerjaan yang berterusan dan meningkatkan daya saing masa hadapan negara.

Antara projek yang telah diluluskan dengan kaedah perkongsian awam swasta (public private partnership), termasuk penyediaan infrastruktur untuk taman perindustrian Tanjung Agas, kluster bioteknologi di Iskandar Malaysia serta menaik taraf infrastruktur sistem lalu lintas di sekitar KL Sentral. Dengan memberi sokongan melalui pembinaan infrastruktur di Tanjung Agas, projek ini akan menyokong pewujudan kluster perindustrian di ECER dan begitu juga bagi kluster bioteknologi yang akan memudahkan kemasukan FDI untuk menceburi pertumbuhan

baru sektor bioteknologi. Pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menaik taraf sistem lalu lintas di sekitar KL Sentral akan membantu aktiviti pelaburan baru oleh sektor swasta bernilai RM3 bilion dalam tempoh tiga tahun. Pelaburan ini melibatkan pembangunan pejabat baru, hotel dan kompleks membeli belah.

Salah satu bidang perkongsian awam swasta yang berkesan ialah di bidang pendidikan. Pada masa ini, pendidikan swasta adalah pelengkap kepada pendidikan awam. Untuk mengoptimumkan kapasiti pendidikan yang sedia ada dan meningkatkan akses kepada pendidikan swasta, kerajaan bercadang menambah bilangan biasiswa untuk memasuki universiti swasta tempatan.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR), GLC juga telah menyediakan kemudahan pendidikan universiti swasta seperti Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Multimedia. Kerajaan kini telah menerima komitmen GLC untuk meningkatkan aktiviti CSR dalam bidang modal insan. Sebagai permulaan, syarikat GLC akan menujuhkan 10 sekolah swasta yang tidak bermotifkan keuntungan.

Liberalisasi Sektor Perkhidmatan

Dalam usaha kita menstruktur semula ekonomi negara dalam konteks perubahan ekonomi antarabangsa, sektor perkhidmatan akan diberi fokus kerana ia berpotensi untuk terus berkembang pesat dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini kini menyumbang sebanyak 55 peratus kepada KDNK dan berpotensi untuk menyumbang lebih 70 peratus kepada KDNK, seperti di negara maju.

Sehubungan ini, kerajaan akan mengambil langkah untuk meliberalisasikan lagi sektor ini supaya dapat menarik lebih banyak pelaburan, meningkatkan aliran masuk tenaga pakar asing dan teknologi serta memperkuuhkan daya saing sektor perkhidmatan negara. Usaha ini juga adalah selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Asean Framework Agreement on Services (AFAS) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Peranan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)

Dalam menggalakkan lagi usaha liberalisasi dan menjadikan Malaysia pasaran yang lebih kompetitif, peranan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) ialah untuk memantau pelaburan pada peringkat makro. Walau bagaimanapun, pada peringkat mikro, FIC akan terus merangka garis panduan dan memantau pelaburan yang mempunyai kepentingan negara, seperti pelabuhan dan lapangan terbang, harta tanah, pertahanan, pengangkutan awam dan telekomunikasi.

FIC akan mengamalkan pendekatan yang lebih liberal yang akan membawa kepada perubahan positif dan menyediakan suasana mesra pelabur untuk menarik lebih banyak pelaburan, termasuk pelaburan asing. Kerajaan sedang merangka garis panduan FIC baru yang akan mencerminkan peranan baru FIC.

Pembangunan Industri Seni Kreatif

Kerajaan turut memberi perhatian serius kepada golongan karyawan tempatan dalam mengeluarkan hasil kreativiti mereka secara sistematik. Sehubungan itu, RTM akan mengambil tindakan untuk melaksanakan beberapa projek untuk mengembangkan seni muzik tempatan. Ia juga dapat menjadi punca pendapatan kepada lebih ramai penggiat seni negara, terutama di kalangan bakat-bakat muda. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM20 juta akan disediakan.

Pengurusan Berkesan Sumber Kewangan Kerajaan

Kerajaan akan memperkuatkannya pendekatan value for money dalam perolehan kerajaan. Untuk ini, kerajaan akan melaksanakan kaedah untuk meningkatkan elemen persaingan dalam perolehan kerajaan. Semua pembelian kerajaan akan diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad melainkan dalam kes-kes tertentu. Kaedah perolehan secara elektronik melalui sistem e-Perolehan akan diperluaskan bagi mempertingkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan kerajaan. Untuk mengawal kos projek, pelaksanaan secara reka dan bina (design and build) tidak akan dibenarkan kecuali dalam kes yang memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi. Di samping itu, cadangan projek perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos.

Agensi dikehendaki melaksanakan projek mengikut kos, had siling, skop projek dan perancangan yang telah diluluskan. Oleh itu, sebarang perubahan terhadap kos, skop kerja dan reka bentuk projek tanpa kelulusan jawatankuasa ini tidak dibenarkan. Bagi memperkuatkannya lagi peranan dan keberkesanannya jawatankuasa ini, kerajaan akan menambah bilangan jawatan profesional seperti jurutera, arkitek dan juru ukur bahan. Jawatankuasa ini juga akan membuat laporan secara berkala kepada Jemaah Menteri mengenai pematuhan standard dan isu-isu berkaitan.

Kerajaan akan terus memberi sokongan padu terhadap pembangunan industri tempatan melalui perolehan kerajaan. Kerajaan telah mewajibkan penggunaan bahan, barang atau perkhidmatan tempatan dan keutamaan kepada pembuat tempatan dalam setiap perolehan kerajaan. Perolehan barang import hanya boleh dilaksanakan setelah dipastikan ia tidak boleh diperoleh secara tempatan atau kos barang tempatan terlalu tinggi. Selain itu, menjadi hasrat kerajaan agar sektor swasta turut menyokong usaha kerajaan ini dengan memainkan peranan penting iaitu mengutamakan barang tempatan dalam setiap perolehannya.

Tuan Yang Dipertua,

Penutup

Kerajaan yakin strategi dan langkah yang telah dirangka dalam pakej rangsangan ini adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus ke dalam kancan kemelesetan yang mendalam. Kita tidak boleh bergantung kepada dasar pemulihan ekonomi orthodox. Sebaliknya, kita mesti berani merangka kaedah inovatif untuk

menangani krisis ini. Ini merupakan tempoh yang amat mencabar bagi kita semua. Kita semua harus bersedia dan tabah untuk menghadapi impak negatif krisis ini. Pengalaman kesusahan dan keperitan yang kita lalui pada krisis-krisis terdahulu perlu kitajadikan panduan dan iktibar dalam kita menangani krisis kali ini.

Kita sudah mula kedengaran suara rakyat yang mahu kerajaan dan pembangkang untuk mengutamakan usaha memulihkan semula ekonomi negara dalam keadaan kegawatan ekonomi global dan mengetepikan kemelut politik. Saya sendiri menerima saranan ini dengan hati yang terbuka. Kita perlu peka kepada saranan rakyat yang semakin lantang dan kerap diutarakan supaya kerajaan dan pembangkang memberi fokus kepada ekonomi dan rakyat. Saya menyeru semua pihak, termasuk rakan-rakan sama ada di sebelah sini dan di sebelah sana, serta setiap lapisan masyarakat agar berganding bahu dan berusaha gigih untuk mengembalikan ekonomi negara ke landasan pertumbuhan yang lebih kukuh serta mapan.

Pada sidang khas mengenai Gaza, Palestin di Dewan Yang Mulia ini, kita semua, pihak kerajaan dan pembangkang telah bersatu suara dan berpadu hasrat untuk bersama berusaha mencadangkan formula damai dan membantu atas nama kemanusiaan. Ya, benar, kita di negara ini, kini sedang berbeza pendapat tentang politik di sana sini. Namun, besar harapan semua, bila berdepan dengan ribut ekonomi yang melanda, kita akan sentiasa sepakat sekata, sederap usaha, memikir melaksana apa yang terbaik untuk rakyat jelata. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT untuk memberi semangat keyakinan, kekuatan serta ketabahan kepada kita semua dalam menghadapi krisis ini. Tuan Yang Dipertua, saya akan mengemukakan Usul Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2009 selepas ucapan ini.

Tuan Yang Dipertua, Saya mohon mencadangkan.

11 Mac 2009 (Rabu)

Sentral: RM9b hasil jualan aset ambil alih 4 syarikat

KERAJAAN negeri bercadang menggunakan hasil jualan seluruh aset air miliknya bernilai RM9 bilion yang diperoleh daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk mengambil alih pengurusan empat syarikat konsesi air di negeri itu. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata nilai aset dan hak konsesi keempat-empat syarikat itu - Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB), Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad (Splash), Konsortium ABASS Sdn Bhd (Abass) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) bernilai antara RM5.5 bilion hingga RM6 bilion.

Menjawab pertanyaan lisan Yap Ee Wah (BN-Sungai Pelek) yang mahu kepastian mengenai sumber kerajaan negeri dalam pengambilalihan empat syarikat air, Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri memiliki sumber mencukupi dan kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam melaksanakan proses penstrukturran itu. "Kerajaan Selangor mendapat hampir keseluruhan

perjanjian konsesi sedia ada menguntungkan operator seperti kenaikan tarif air, kadar air pukal secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator jika kenaikan tarif tidak dibenarkan kerajaan. "Fenomena ini bukan saja merugikan kerajaan negeri, malah turut membebankan rakyat," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-12, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Abdul Khalid yang menjawab pertanyaan lisan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan) berkata, kerajaan negeri dijangka mengalami defisit tahun ini berikutan krisis kewangan global sekarang. Implikasi jangka pendek, katanya kutipan hasil jualan bagi Januari lalu menurun RM57.48 juta (35.78 peratus) berbanding tempoh sama pada 2008. Katanya, kerajaan negeri menjangka bajet kerajaan negeri 2009 juga menurun jika kutipan sebenar hasil 2008 menurun walaupun terus mengamalkan bajet berimbang.

Berikut itu, katanya kerajaan negeri menggariskan lima strategi bagi memperkuuhkan kedudukan kewangan negeri dari semasa ke semasa. Katanya, strategi berkenaan ialah mensasarkan 90 peratus kutipan hasil cukai semasa dan 70 peratus tunggakan dikutip di setiap daerah, mengenal pasti sumber hasil baru, semakan bajet tahunan berkala tiga kali setahun, memastikan perbelanjaan berhemah dan menggalakkan penjimatan. Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata, perancangan untuk memperkenalkan semula pilihan raya kerajaan tempatan sedang dalam peringkat penyelidikan berikutan wujud masalah teknikal dari segi perundungan di peringkat Persekutuan.

12 Mac 2009 (Khamis)

Utara: Keda sedia RM45j baiki rumah rakyat miskin

JITRA: Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) memperuntukkan RM45 juta untuk membaiki dan membina rumah untuk rakyat miskin tegar di negeri ini sepanjang tahun ini. Pengurus Besarnya, Mohd Arpan Shari, berkata melalui program itu pihak berkuasa berkenaan menyediakan bantuan kewangan untuk membolehkan kumpulan sasar yang berpendapatan kurang daripada RM440 sebulan memiliki rumah yang lebih selamat dan selesa. Beliau berkata, sepanjang tahun ini, pihaknya akan memberi tumpuan untuk membantu golongan miskin tegar terutama dalam meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup golongan terbabit. Katanya, melalui program itu, bantuan yang diberikan terdiri daripada bantuan baik pulih dan bantuan pembinaan rumah baru untuk golongan berkenaan secara individu dan berkelompok.

Keda juga merancang untuk menambah 500 rumah baru membabitkan 18 penempatan Keda sedia ada untuk menempatkan golongan rakyat miskin di kawasan luar bandar yang berkelayakan. "Sehingga kini, ada lebih 6,000 keluarga berada di 56 penempatan Keda di negeri ini dan kita akan melaksanakan pelbagai projek sosio ekonomi seperti aktiviti pertanian, industri desa dan usahawan untuk menambahkan pendapatan mereka.

"Melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), kita dipertanggungjawabkan untuk merencanakan pelbagai program untuk merangsang pembangunan ekonomi kawasan luar bandar," katanya selepas program khidmat masyarakat Rakan Keda di Padang Sera di sini, semalam. Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Siputeh, Datuk Abu Hassan Sarif.

Mohd Arpan berkata, Keda juga mengaturkan pelbagai program dalam usaha untuk mendekatkan agensi itu dengan masyarakat setempat terutama golongan miskin. Beliau berkata, pembabitan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta Pusat Latihan Keda Sik, berjaya memberi input baru dan menarik minat masyarakat untuk menyertai program berkenaan. Sementara itu, Abu Hassan berkata, seramai 40 keluarga miskin tegar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) itu akan menerima rumah baru bernilai RM33,000 dan 70 keluarga menerima peruntukan sebanyak RM11,000 untuk membaik pulih rumah mereka. Beliau berkata, pihaknya juga menerima peruntukan tambahan sebanyak RM100,000 daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk pembangunan ekonomi dan aktiviti di kawasannya.

12 Mac 2009 (Khamis)

Ekonomi - Kerajaan ambil alih aset air Johor RM4.025 bilion

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Suffian A Bakar

KERAJAAN Persekutuan semalam memeterai perjanjian utama bagi pengstrukturkan semula air Johor dengan lima pihak yang menyaksikan aset berkaitan air di negeri berkenaan bernilai RM4.025 bilion dipindahkan ke Kerajaan Persekutuan. Pihak terbabit ialah Kerajaan Johor, Syarikat Air Johor Sdn Bhd, Ranhill Utilities Bhd, SAJ Holdings Sdn BHd (SAJH) dan Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Selain itu, satu perjanjian kemudahan bagi hak penggunaan aset air berkenaan turut dimeterai antara SAJH dan PAAB.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pengstrukturkan semula perkhidmatan air Johor akan membabitkan pengambilalihan aset berkaitan air Kerajaan Johor dan syarikat konsesi yang dianggar berdasarkan nilai buku bersih sehingga 31 Disember 2007, sebanyak RM4.025 bilion, manakala liabiliti dianggarkan RM3.179 bilion. Ini, katanya, menjadikan lebihan aset RM846 juta akan dibayar oleh PAAB kepada SAJH, dan seterusnya memajakkan semula aset berkenaan kepada SAJH yang akan menjadi pengedar tunggal di Johor pada 2015.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, dengan termeterainya perjanjian pengstrukturkan semula bekalan air berkenaan, ia melengkapkan pemindahan ke rejim baru bagi ketiga-tiga negeri di selatan tanah air selepas Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing pada Disember

2008 dan Januari 2009. "Bagi Johor, kesan positif yang amat besar selepas memeterai perjanjian berkenaan ialah dapat mengelak kenaikan tarif sebanyak 19 peratus tahun ini," katanya berucap pada majlis memeterai perjanjian pengstrukturkan semula itu di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah; Ketua Eksekutif SAJH, Ahmad Zahdi Jamil; dan Ketua Eksekutif PAAB, Suhaimi Kamaralzaman.

Najib berkata, sebarang kenaikan tarif pada masa depan di bawah rejim baru itu tertakluk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Bagi dua syarikat rawatan air iaitu Southern Water Corporation dan Equiventures Sdn Bhd, mereka akan kekal sebagai syarikat konsesi sehingga tamat tempoh masing-masing pada 2012 dan 2014, katanya.

Selepas tarikh itu, iaitu pada 2015 sistem bekalan air Johor akan menjadi satu industri menyeluruh yang mana hanya terdapat satu syarikat pengedar dan operator air iaitu SAJH. "Komitmen Kerajaan Pusat tidak berakhir di sini kerana selepas perjanjian dimeterai, PAAB dianggarkan akan membelanjakan sejumlah RM3.5 bilion sepanjang 30 tahun akan datang bagi mempertingkatkan sistem bekalan air di Johor. "Perbelanjaan modal ini pastinya akan menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi Johor ke arah pembangunan yang lebih mapan pada masa depan," katanya.

12 Mac 2009 (Khamis)

Rencana - Pakej rangsangan RM60b bantu selamatkan negara

Oleh Rahman Sulaiman rahmansulaiman@yahoo.com



Dominique (tengah) bersama pegawai tinggi IMF bersidang di Dar Es Salam untuk membincangkan krisis ekonomi global yang semakin serius.

Tabung Kewangan Antarabangsa akui krisis kewangan global capai tahap terburuk dalam sejarah dunia moden

KETIKA Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentangkan Bajet Mini untuk menyelamatkan negara daripada terjerumus ke kancah kemelesetan yang serius di Dewan Rakyat kelmarin, di Dar Es Salam, Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dominique Strauss-Kahn meramalkan bahawa dunia kini sedang memasuki tempoh kegawatan paling buruk dalam hayat manusia. Berucap di hadapan menteri kewangan dan gabenor bank pusat dari seluruh benua Afrika di ibu negara Tanzania itu, Dominique menegaskan krisis ekonomi global sekarang melumpuhkan perdagangan antarabangsa, satu-satunya tempat bergantung penting kebanyakan negara di dunia. Sambil menyifatkan situasi sekarang sebagai berada dalam Great Recession, beliau meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia tahun ini akan terus menguncup pada paras di bawah sifar.

Ramalan pertumbuhan negatif ini adalah yang terkini dibuat oleh tabung itu. Pada 8 Mac lalu, Bank Dunia dalam laporannya mengunjurkan ekonomi dunia akan berkembang pada kadar 0.5 peratus tahun ini. Unjuran terakhir ini menggambarkan betapa buruk dan tidak menentu keadaan ekonomi dunia sekarang yang bermula dengan masalah yang dihadapi ekonomi terbesar dunia – Amerika Syarikat – yang sebelum ini sentiasa mendabik dada mengenai kehebatan mereka dalam serba serbi dan sering menyalahkan negara lain apabila wujud masalah. Sebelum ini tidak siapa yang menduga bahawa kemelut yang bermula dua tahun lalu dengan krisis gadai janji subprima di Amerika Syarikat itu boleh merebak secara relatifnya begitu pantas ke Eropah, Asia dan kemudian ke seluruh dunia menyebabkan ratusan ribu manusia menjadi sengsara atau akan sengsara akibat kehilangan pekerjaan, terjejas mata pencarian atau kekurangan pendapatan. Ironinya, tidak ramai pihak yang menuding jari ke arah punca masalah semasa, berbanding pantasnya mereka menyalahkan negara lain kalau sesuatu masalah itu berpunca daripada negara berkenaan.

Orang ramai tentu tidak boleh melupakan bagaimana ghairahnya mereka menyalahkan Malaysia dan negara lain di rantau Asia ketika Krisis Kewangan Asia 1997/98 dulu. Ada pihak yang cenderung untuk menganggap krisis sekarang sebagai isyarat jelas menjelang kemusnahan secara total sistem kapitalisme yang penuh dengan unsur penindasan dan tamak haloba. Golongan ini pantas menyebut kehancuran sosialisme dan komunisme sebagai contoh kerapuhan sistem ciptaan Barat yang sebelum ini terlalu di dewa-dewakan. Golongan yang lebih optimis pula berpendapat dalam keadaan sekarang dunia tidak mempunyai banyak pilihan melainkan untuk terus menggunakan sistem itu dengan sedikit kawalan dan menambah baik peraturan untuk mendisiplinkan keadaan.

Apa pun bagi sebuah negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada eksport sebagai satu daripada penyumbang terbesar terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), negara tidak boleh berdiam diri dan mengharapkan masyarakat antarabangsa untuk bertindak. Cakap-cakap untuk menstruktur semula reka bentuk sistem kewangan antarabangsa yang sudah kedengaran sejak krisis 1997/98 lalu, belum jelas bila akan menjadi realiti. Apa yang dilakukan sekarang hanya suntikan kewangan yang sudah berjumlah berbilion, malah trillion dollar Amerika sebagai usaha menyelamatkan institusi kewangan yang bermasalah dan merangsang semula pertumbuhan. Namun, setakat ini hasil usaha itu masih belum kelihatan secara ketara.

Seperti kata Najib yang juga Menteri Kewangan kelmarin, walaupun negara maju mengumumkan pakej rangsangan ekonomi yang begitu besar melebihi AS\$3 trilion, ia masih belum dapat memulihkan keyakinan pengguna dan pelabur. Malah, angka terkini menunjukkan kadar pengangguran di Amerika berada pada tahap 8.1 peratus, paling tinggi sejak 1983. Perkembangan ekonomi dunia yang amat negatif ini mula menampakkan impaknya ke atas ekonomi negara dalam suku keempat tahun lalu. Eksport dan pengeluaran industri negara mula merosot dan pelaburan berkurangan sementara sentimen pengguna juga turut terjejas. Akibatnya, KDNK mencatatkan kadar yang ketara rendah sebanyak 0.1 peratus berbanding kadar purata sebanyak 6.3 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu.

Pakej rangsangan bernilai RM60 bilion yang beliau umumkan itu sebenarnya bertujuan untuk menyelamatkan negara daripada mengalami kemelesetan serius. Dengan adanya pakej itu, ditambah dengan pakej pertama yang bernilai RM7 bilion dan peruntukan RM206 bilion di bawah Bajet 2009, adalah diunjurkan pertumbuhan KDNK negara akan berada di sekitar -1 hingga 1 peratus tahun ini. Bagaimanapun, ini akan hanya dapat direalisasikan kalau semua projek dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Untuk itu, semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan berusaha gigih untuk mengembalikan ekonomi negara ke landasan pertumbuhan yang lebih kukuh serta mapan. Ungkapan berikut perlu dijadikan iktibar oleh semua.

"Pada sidang khas mengenai Gaza di Dewan yang mulia ini, kita semua, pihak kerajaan dan pembangkang bersatu suara dan berpadu hasrat untuk bersama berusaha mencadangkan formula damai dan membantu atas nama kemanusiaan. "Ya benar, kita di negara ini sedang berbeza pendapat tentang politik di sana sini. Namun besar harapan semua, bila berdepan dengan ribut ekonomi yang melanda, kita akan sentiasa sepakat, sekata, sederap usaha, memikir melaksana apa yang terbaik untuk rakyat jelata".

Datuk Rahman Sulaiman adalah bekas Ketua Pengarang Bernama

12 Mac 2009 (Khamis)

RM60b lindungi daripada kemelesetan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Suffian A Bakar bhnews@bharian.com.my

Najib yakin pakej rangsangan kedua boleh tangani kegawatan ekoran krisis subprima

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam menegaskan bahawa pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi kedua berjumlah RM60 bilion yang diumumkan beliau di Dewan Rakyat kelmarin mampu melindungi negara daripada kemelesetan. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut yakin pakej rangsangan kedua itu mampu mencapai objektifnya terutama untuk sampai ke golongan sasaran dengan segera seperti dirancang. Katanya, aspek

pelaburan dan penggunaan peruntukan yang diumumkan akan menjadi kunci utama kejayaan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi kedua itu yang mengambil dua tahun disempurnakan.

"Pelaburan dan penggunaan perlu bergerak seiring dalam pelaksanaan pakej. Jika rangsangan kedua ini dapat dilaksanakan, kita mampu mencegah kegawatan," katanya selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian penstruktur semula perkhidmatan bekalan air Johor di sini, semalam.

Menerusi perjanjian itu, Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan akan mengambil alih urusan bekalan air di Johor yang dianggarkan berjumlah RM4.03 bilion, yang sebelum ini diurus kerajaan negeri, Syarikat Air Johor (SAJ) Holdings dan SAJ Sdn Bhd. Najib yang juga Menteri Kewangan mengulas dakwaan penganalisis bahawa hanya RM15 bilion daripada pakej itu akan menjadi suntikan langsung fiskal bagi 2009. Kelmarin beliau mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM60 bilion dalam pakej kedua bagi merangsang kegiatan ekonomi dan mengelak negara daripada terjejas teruk oleh krisis ekonomi dunia yang disifatkan paling buruk dalam tempoh 70 tahun.

Pakej rangsangan menjangkau lebih banyak sektor dan kumpulan sasaran itu menumpukan kepada empat teras, iaitu mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan; meringankan beban rakyat; membantu sektor swasta menghadapi krisis ekonomi semasa; dan membina keupayaan masa depan. Peruntukan pakej itu bersamaan sembilan peratus nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan terbesar dalam sejarah ekonomi negara, akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun.

Sementara itu, Najib berkata, dana jaminan RM25 bilion termasuk RM10 bilion untuk pelaburan yang akan disuntik oleh sayap pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional bertujuan melindungi negara daripada kemelesetan. Mengulas mengenai status Bajet 2010, beliau berkata, ia akan tetap dibentang pada Oktober depan dan tidak akan bertindih dengan pakej rangsangan ekonomi kedua.

13 Mac 2009 (Jumaat)

Sentral: Tanah Pusat diceroboh

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my

Penempatan haram jejas usaha sifar setinggan

SEREMBAN: Banyak tanah milik jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan di negeri ini yang tidak dikawal dan diselenggara dengan baik diceroboh serta dijadikan kawasan penempatan setinggan. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata kerajaan negeri tidak mampu berbuat apa-apa, termasuk mengusir dan merobohkan penempatan berkenaan kerana tidak memiliki kuasa berikutkan status tanah yang dimiliki Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu,

beliau meminta jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan menyelenggara dan memantaunya bagi mengelakkan terus diceroboh pihak tertentu. "Kita berharap Kerajaan Persekutuan dapat mengambil tindakan kerana pembukaan kawasan baru setinggan di tanah milik mereka menjelaskan usaha kerajaan negeri mencapai setinggan sifar menjelang akhir tahun depan," katanya.

Mohamad berkata, pembukaan penempatan setinggan baru di kawasan tanah milik jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan juga bertentangan dengan dasar kerajaan negeri hingga menimbulkan tanggapan negatif orang ramai. "Ramai yang tahu mengenai dasar kerajaan negeri untuk menghapuskan kawasan setinggan, tetapi mereka tidak tahu penempatan setinggan sebenarnya bukan di tanah milik kerajaan negeri. "Ini menimbulkan tanggapan negatif orang ramai, selain kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada penduduk kawasan berkenaan jika bercadang membangunkan kawasan berkenaan suatu hari nanti," katanya.

Sebagai contoh, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kontraktor terpaksa membayar pampasan RM8,000 kepada setiap 67 setinggan yang terbabit dalam pembinaan laluan projek pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar Seremban-Gemas. "Pembayaran terpaksa dibuat sebagai sagu hati atau membiayai pemindahan ke penempatan baru. Pembayaran itu juga mengelakkan timbul masalah yang mungkin terpaksa dihadapi atau menyebabkan kerajaan negeri dipersalahkan," katanya.

14 Mac 2009 (Sabtu)

GLC perlu bantu syarikat kecil, jangan ambil alih: PM



ABDULLAH berbincang dengan Nor Mohamed (dua dari kiri) sambil diperhatikan Najib dan Azman (kiri) pada mesyuarat Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC (PCG), di Putrajaya.

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tidak mengetepikan syarikat kecil, sebaliknya terus membantu bagi membolehkan mereka bertahan ketika berdepan dengan cabaran ekonomi. Perdana Menteri berkata, GLC adalah pemimpin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan 'tugas pemimpin adalah membantu syarikat kecil' yang beroperasi di kawasan tertentu. "Anda (GLC) adalah pemimpin dan pemimpin perlu membantu kerana ada syarikat kecil yang kekurangan modal...jadi bantulah mereka. "Jangan 'tuil' (buli) syarikat kecil dan ketepikan mereka...kita perlu membantu syarikat kecil, jangan beli

(mengambil alih)," katanya berucap kepada Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC (PCG) di Kementerian Kewangan di sini, semalam.


Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Azman Mokhtar. Beliau berkata, ada anggapan di kalangan syarikat kecil bahawa GLC bertindak sebagai monopoli apabila dipertanggungjawab melaksanakan sesuatu projek dan andaian itu perlu ditolak. "Mereka (syarikat kecil) kata apabila GLC menjadi besar (melaksanakan projek), ia menjadi seperti pukat tunda dan tarik habis (manfaat)," katanya.

Abdullah berkata, GLC perlu bertindak sebagai pemangkin kepada pelaksanaan sesuatu projek dan meneruskan dengan program tanggungjawab sosial (CSR) dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. "GLC perlu dilihat berkait rapat dengan orang ramai bukan semata-mata (bertumpu) kepada prestasi kewangan yang baik," katanya. Perdana Menteri juga meminta GLC meneruskan usaha menjayakan program transformasi yang dilancarkannya lima tahun lalu kerana ia sudah menampakkan kejayaan. Beliau berkata, pada masa ini, kejayaan program transformasi itu sudah dapat dilihat dalam empat perkara iaitu banyak GLC kini mempunyai asas kukuh untuk menghadapi kelembapan ekonomi, membentuk tadbir urus korporat yang telus dan bertanggungjawab yang sekali gus memberi kesan baik kepada indeks pasaran saham tempatan dan meningkatkan usaha pembangunan modal insan.

14 Mac 2009 (Sabtu)

Pembinaan LCCT baru mula pertengahan tahun

Oleh Shahrizan Salian shahrizan@bharian.com.my



MAHB jangka projek bernilai RM2 bilion siap pada 2011

MALAYSIA Airport Holdings Bhd (MAHB) akan memulakan pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) yang baru menjelang pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada 2011. Terminal bernilai RM2 bilion yang mampu mengendalikan sehingga 30 juta penumpang setahun dengan potensi meningkatkannya kepada 45 juta itu akan dibina di tapak seluas 150,000 meter persegi kira-kira 1.5 kilometer di sebelah barat bangunan terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Seri Bashir Ahmad, berkata kos keseluruhan pembinaan LCCT baru itu akan dibiayai sepenuhnya MAHB menerusi pinjaman. "Kami tidak mempunyai hutang ketika ini, justeru, tiada masalah untuk mendapatkan pinjaman, malah sudah menerima surat tawaran (bagi pinjaman itu)," katanya pada taklimat media mengenai pembinaan LCCT baru itu di Subang, semalam.

Bashir berkata, pembinaan LCCT baru itu akan dilaksanakan menerusi tender terbuka dan pihaknya akan membuat pengumuman mengenai pemilihan kontraktor utama projek berkenaan dalam tempoh kira-kira dua bulan lagi. Beliau menjelaskan, bangunan LCCT sedia ada yang kini hanya dapat menampung 10 juta penumpang setahun akan dijadikan sebagai terminal kargo. "Terminal baru itu adalah lebih selesa dan ada lebih banyak ruang untuk penumpang, kemudahan imigresen bagi pekerja asing selain ruang letak kereta bagi 6,000 kenderaan," katanya.

Katanya, MAHB akan turut menyediakan 70 ruang parkir pesawat, cadangan membina landasan ketiga sepanjang empat kilometer serta laluan teksi bagi perjalanan pantas antara kedua-dua landasan. "AirAsia akan menikmati operasi lebih baik kerana landasan kedua dan cadangan landasan ketiga itu hanya terletak 1.5 kilometer antara satu sama lain. "Landasan ketiga itu juga cukup luas bagi pendaratan pesawat sebesar Boeing B747," katanya.

Bashir menambah, MAHB juga sedang dalam rundingan dengan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) untuk menyambung laluan tren sedia ada sehingga ke LCCT baru itu, tetapi ia tidak termasuk dalam kos keseluruhan pembinaannya. Katanya, walaupun LCCT baru itu akan dibangunkan menerusi model penerbangan tambang murah, ia turut terbuka kepada syarikat penerbangan yang menawarkan perkhidmatan penuh. Sementara itu, Bashir berkata cadangan kerajaan memberikan rebat 50 peratus ke atas caj pendaratan tidak memberikan kesan kepada pendapatannya kerana pihaknya telah berbincang mengenai asas perkongsian pendapatan caj terabit dengan kerajaan. Beliau berkata, MAHB meraih antara RM180 juta hingga RM200 juta setahun menerusi caj pendaratan.

15 Mac 2009 (Ahad)

Sentral: Beli baju angkasawan

Oleh Syuhada Choo Abdullah choo@bharian.com.my



Saya akan berasa terkilan jika pakaian yang menjadi simbol kejayaan anak Mara itu dibeli oleh syarikat korporat"

Sut dipakai Dr Muszaphar berharga RM200,000 akan dipamer

KUALA LUMPUR: Mara akan membeli sut angkasawan yang pernah dipakai angkasawan pertama negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor berharga kira-kira RM200,000, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar. Beliau berkata, pakaian itu kini berada di Russia dan difahamkan ada syarikat korporat tempatan berminat membelinya. "Saya akan berasa terkilan jika pakaian yang menjadi simbol kejayaan anak Mara itu dibeli oleh syarikat korporat.

"Oleh itu, Mara akan membeli sut angkasawan itu berharga AS\$50,000 (kira-kira RM200,000) sebagai simbol kejayaan 'anak Mara dan anak Melayu' pertama ke angkasa. "Sut berkenaan akan ditempatkan di Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) atau Muzium Mara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Mara dan Karnival Pendidikan Mara 2009 Peringkat Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Saifuddin Abdullah dan Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin. Sementara itu, Noh berkata, Mara turut menawarkan Dr Sheikh Muszaphar berkhidmat di UniKL MIAT di bawah skim khas untuk membolehkannya mencerahkan ilmu dan pengalamannya itu. "Saya sudah membincangkan tawaran berkhidmat di UniKL MIAT dengan Dr Sheikh Muszaphar dan bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muar itu bersetuju kerana ingin membala jasa peluang pendidikan Mara," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dalam tempoh terdekat dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili, berhubung kontrak perkhidmatan Dr Sheikh Muszaphar dengan kementerian itu, dan juga Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mengenai kontraknya dengan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). "Mara bangga dapat melahirkan angkasawan negara pertama. Dr Sheikh Muszaphar menjadi idola anak muda sekarang, termasuk kira-kira 90,000 pelajar di keseluruhan institusi pendidikan Mara," katanya.

Beliau berkata, dari segi skim gaji, Mara akan tawarkan mengikut standard beliau sebagai angkasawan negara, bukan skim dalam kerajaan. "Apabila berkhidmat di UniKL MIAT nanti, beliau boleh menjadi penasihat, pensyarah, 'free-lance' atau penceramah motivasi kepada pelajar Mara. "Kita akan bincang...pendeknya, kita akan memberi tempat serta ruang kepada Dr Sheikh Muszaphar kerana beliau anak Mara dan kita mesti bangga dengan kejayaannya," katanya.

15 Mac 2009 (Ahad)

Sentral: Sasar keluar 60,000 tan koko setahun

PUTRAJAYA: Lembaga Koko Malaysia (LKM) menasarkan peningkatan pengeluaran biji koko negara sehingga 60,000 tan setahun bagi memenuhi sekurang-kurangnya 20 peratus daripada keperluan industri pengisar tempatan menjelang 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata sasaran mampu dicapai menerusi amalan pengurusan ladang yang baik, penggunaan teknologi yang dihasilkan LKM. "Bagi tujuan ini, klon koko tahan daripada serangan penyakit serta serangan serangga dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) LKM perlu dimanfaatkan sepenuhnya. "Jika pengeluaran biji koko negara negara mencecah 1.5 tan sehektar serta semua program penambahbaikan yang dirancang berjalan lancar, saya yakin peningkatan keluasan tanaman koko negara kepada 40,000 hektar menjelang 2020 akan tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Industri Koko 2008 di sini, kelmarin.

16 Mac 2009 (Isnin)

Timur: SPNB cari pembeli projek rumah terbengkalai

KUANTAN: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berusaha mengesan pembeli projek perumahan terbengkalai Taman Sungai Karang Darat 1, Sungai Karang, dekat sini bagi membolehkan kerja menyiapkan projek berkenaan dilaksanakan segera. Pengarah Urusan SPNB, Datuk Mohd Amin Mohd Salleh, berkata pembeli dinasihatkan menghubungi SPNB atau jawatankuasa penduduk yang ditubuhkan bagi urusan membaik pulih rumah berkenaan. Beliau berkata, sejumlah RM20 juta disalurkan kepada SPNB untuk kerja membaik pulih projek berkenaan tetapi dapat dilaksana kerana pembeli belum memberi persetujuan.

"Saya berharap pembeli yang menetap di luar Pahang dapat menghubungi SPNB atau wakil penduduk memaklumkan tempat tinggal mereka supaya boleh memberi persetujuan membaik pulih rumah. "Sekiranya persetujuan diperoleh, kerja baik pulih taman perumahan itu akan dimulakan Jun ini dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun," katanya pada majlis penerangan dan menandatangani surat aku janji bagi pemulihan projek perumahan berkenaan di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengurus Besar Kanan (Bahagian Pelaksanaan Projek) SPNB, Datuk Shamshul Baharain Sulaiman. Hadir sama Pengurusi Jawatankuasa Perumahan, Kemudahan Asas dan Pengangkutan, Datuk Mohd Soffi Abdul Razak. Mohd Amin berkata, 128 unit rumah fasa 1 terbengkalai sejak 1999 walaupun sudah hampir 80 peratus disiapkan oleh pemaju, Nam Choon Developers. "Daripada jumlah itu, sebanyak 67 unit rumah teres kos rendah berharga RM37,109 seunit dan 61 unit rumah kos sederhana rendah berharga RM70,000 seunit," katanya.

Beliau berkata, pembeli diminta menghubungi SPNB di talian 03-20523890/3886 untuk memudahkan urusan membaik pulih rumah. Katanya, Taman Sungai Karang Darat 1 adalah di antara projek terbengkalai yang dikenal pasti untuk dibaik pulih di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan.

16 Mac 2009 (Isnin)

Selatan: Longkang, jalan perlu dibaiki , selenggara

JOHOR BAHRU: Beberapa jalan serta longkang di kawasan taman perumahan sekitar bandar raya ini termasuk di Flet Taman Melor di sini, memerlukan pembaikan dan penyelenggaraan segera demi keselesaan dan kemudahan penduduk setempat. Ketua Umno cawangan Taman Melor, Kamaruzaman Alias, berkata beliau sudah beberapa kali mengajukan masalah jalan di kawasan perumahan itu yang tidak diselenggara serta longkang tidak dijaga hingga menyebabkan air melimpah setiap kali hujan lebat.

Beliau berkata, perkara itu sudah dikemukakan pada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tetapi langsung tidak mendapat sebarang maklum balas. Katanya, beliau difahamkan, ketiadaan peruntukan khusus untuk tujuan berkenaan menyebabkan PBT terabit tidak dapat menyelenggara serta membaiki longkang dan jalan di perumahan itu.

"Baru-baru ini kerajaan meluluskan peruntukan RM200 juta untuk membaiki serta menyelenggara jalan dan longkang. "Saya berharap ia akan dapat disalurkan bagi membaiki infrastruktur ini, demi keselesaan penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata, perumahan flet berkenaan didiami lebih 3,000 penduduk yang majoritinya, berpendapatan rendah dan sudah tentu mengharapkan pembelaan kerajaan dalam menikmati kehidupan yang lebih selesa. Tinjauan mendapati antara jalan yang terjejas teruk adalah di blok 10 dan sembilan selain longkang di blok berkenaan langsung tidak diselenggara menyebabkan aliran air tersekat.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nusajaya, Datuk Aziz Sapian, berkata peruntukan berkenaan perlu diagihkan dengan segera dan secara telus khususnya, ke kawasan kampung dan taman perumahan.

"Ia peruntukan yang besar tetapi meliputi seluruh negara, jadi saya rasa lebih baik keutamaan diberikan kepada kawasan yang kritikal terutama sekali di kawasan kampung dan taman perumahan," katanya.

16 Mac 2009 (Isnin)

Sentral: Selangor sedia RM10b majukan semula bandar

KLANG: Kerajaan Selangor memperuntukkan RM10 bilion untuk membangunkan semula dua bandar dan satu bandar raya di negeri itu dalam tempoh tujuh tahun, bermula tahun ini sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan menggerakkan ekonomi di negeri itu. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata dua bandar berkenaan adalah Klang dan Kajang dan bandar raya yang bakal dibangunkan semula itu ialah Petaling Jaya.

"Pada April nanti, kita akan mengadakan seminar mengenai pembangunan semula Klang dan menjemput pakar perancangan bandar dan desa terutama pakar muda yang berkelulusan untuk menerangkan bagaimana mereka boleh menterjemahkan konsep pembangunan Klang. "Saya sudah menerima beberapa permintaan untuk menyertai seminar ini dan satu daripadanya ialah daripada seorang anak muda Melayu yang kini bekerja di Florida, Amerika Syarikat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Merakyatkan Ekonomi Selangor Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Andalas dan Parlimen Kota Raja, di sini semalam.

Abdul Khalid berkata, pemuda itu pernah terbabit dalam perancangan pembangunan Tianjin di China dan beliau ingin berkongsi pengalamannya di sana. Katanya, selain itu, seorang pensyarah perancangan bandar dan desa di Institut Teknologi Massachusetts (MIT) turut menyatakan minat menyertai perbincangan itu nanti. Pada masa sama, Kerajaan Selangor juga mendapat permintaan daripada pembiaya kewangan antarabangsa yang sanggup mencari dana daripada sektor swasta untuk tujuan itu. "Dari segi duit dan kepakaran sudah ada yang berminat tetapi kita kena sama-sama menjalankannya," katanya.

Beliau berkata, angka RM10 bilion itu berpatutan dan tidak besar berbanding jumlah yang dikeluarkan untuk pembangunan semula Damansara iaitu sebanyak RM3 bilion, membabitkan pembangunan di kawasan seperti The Curve. Abdul Khalid berkata, salah satu daripada pakej rangsangan membabitkan pembangunan di Klang iaitu satu bandar lama yang perancangannya sesuai pada masa ini berikutnya ada beberapa kawasan di Klang yang sudah tidak sesuai lagi dengan peredaran masa. Katanya, walaupun ada usaha untuk membaik pulih bangunan lama di Klang, ia perlu ditambah dan direka dengan rancangan perbandaran yang baru.

16 Mac 2009 (Isnin)

Laporan Khas: RM13b bayar pencen 559,165 pesara pada 2011

Oleh Azrul Affandy Sobry rencanabh@bharian.com.my

Kakitangan awam anggap KWSP kurang beri manfaat

KUALA LUMPUR: Kerajaan dijangka memperuntukkan lebih RM13 bilion untuk membayar pencen kepada 559,165 pesara kerajaan pada 2011, meningkat RM4.8 bilion daripada RM8.34 bilion yang dibayar pada 2008 kepada 517,581 pesara. Ia berdasarkan unjuran yang dikeluarkan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai anggaran bilangan pesara dan penerima pencen serta perbelanjaan bagi 2009 hingga 2011. Peningkatan ketara itu lantaran langkah kerajaan menawarkan semula opsyen skim pencen kepada kakitangannya yang sebelum ini memilih skim caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum 1 Januari 2009. Timbalan Pengarah (Operasi) bahagian itu, Munirah Abdullah Bajanuddin, berkata setakat ini, JPA sudah menerima lebih 90 peratus permohonan menyertai skim pencen daripada 66,000 kakitangan kerajaan yang sebelum ini mencarum KWSP.

"Skim pencen lebih baik dan membawa manfaat jangka panjang. Sebagai contoh, pesara mampu memberikan jaminan kehidupan kepada keluarga kerana meskipun dia meninggal dunia, isteri atau anaknya yang berusia bawah 18 tahun akan terus menerima bayaran pencen dengan jumlah yang sama. "Malah, faedah perubatan juga antara satu faktor yang dipertimbangkan semua pihak. Pesara berpencen akan mendapat khidmat perubatan dengan kelas yang sama seperti ketika dia berkhidmat sebelum ini. Berbeza dengan pencarum KWSP, mereka terpaksa membayar sendiri kos perubatan," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata, kakitangan kerajaan berstatus tetap dan berpencen perlu meneruskan perkhidmatan mereka sehingga berusia 40 tahun selain berkhidmat melebihi 10 tahun sebelum memilih bersara pilihan. Jika kakitangan awam berhenti sebelum tempoh itu, mereka akan hilang semua faedah yang disediakan, termasuk ganjaran dan gantian cuti rehat, malah tidak akan menerima sebarang bayaran untuk sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Untuk menunjukkan perbezaan antara skim pencen dan caruman KWSP, Berita Harian membuat perbandingan membabitkan dua kakitangan kerajaan yang memulakan perkhidmatan mereka pada usia 25 tahun dalam gred DG41 (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah) dengan gaji permulaan RM1,695.85. Dengan kenaikan gaji secara biasa sehingga gaji akhir RM4,645.85 tanpa sebarang kenaikan pangkat, kakitangan yang memilih skim pencen akan menerima bayaran pencen bulanan RM2,787.51, ganjaran sekali gus RM129,619 dan gantian cuti rehat RM25,979 (jika cuti rehat terkumpulnya 150 hari) selepas usia 58 tahun.

16 Mac 2009 (Isnin)

Rencana - Manfaat pakej rangsangan harus menyeluruh

Oleh Manja Ismail manja@bharian.com.my

Bajet Mini tuntut ketelusan semua pihak hemat berbelanja, jayakan strategi dua tahun atasi cabaran inflasi

BUAT pertama kali selepas krisis ekonomi melanda dunia, berpunca daripada masalah perbankan dan kewangan Amerika Syarikat tahun lalu, kita diberitahu dengan jelas kedudukan sebenar masa depan ekonomi negara. Malah, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan pakej rangsangan kedua atau Bajet Mini di Parlimen Selasa lalu menegaskan, pakej bernilai RM60 bilion itu tidak mampu memulihkan semula ekonomi negara dalam tempoh segera.

Pakej rangsangan itu hanya bertujuan menghalang negara daripada kemelesetan ekonomi atau keadaan yang lebih teruk. Dalam kata lain, jika ekonomi Malaysia tahun ini mencatat pertumbuhan satu peratus pun, kita sudah berasas baik berbanding negara lain. Sebelum ini, walaupun ramai yang tahu bahawa ekonomi dunia sedang menghadapi krisis teruk, kita masih lagi diberikan unjuran dan angka yang memberangsangkan sama ada dari segi pertumbuhan ekonomi, kadar pengangguran atau tahap inflasi negara. Namun, adalah tidak adil untuk menuduh kerajaan cuba menyembunyikan kedudukan sebenar apabila Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sendiri beberapa kali mengubah unjuran pertumbuhan ekonomi dunia – terbaru daripada 2.2 peratus kepada 0.5 peratus.

Pakej rangsangan kedua, kata Najib, dirangka selepas kerajaan melakukan kajian menyeluruh, termasuk unjuran terbaru IMF itu. "Kerajaan juga mahu melihat kesan pakej rangsangan AS yang dilancarkan pentadbiran Bush dan kemudian oleh Obama bagi memulihkan keyakinan terhadap sektor kewangan negara itu. Jelas bagi kita bahawa kesan krisis ini lebih teruk daripada yang dijangka dan kerana itu, kerajaan melancarkan pakej rangsangan kedua," jelas Najib ketika menggulung perbahasan mengenai Bajet Mini, Khamis lalu.

Memang tiada siapa yang dapat meramalkan bila kegawatan ini akan berakhir, selagi ekonomi AS belum menampakkan tanda pemulihan. Bagaimanapun, apabila rakyat sudah diberitahu mengenai keadaan dan masalah sebenar, tentu lebih mudah bagi kerajaan melaksanakan sebarang langkah pemulihan yang membabitkan penyertaan mereka. Rakyat sekarang semakin celik ekonomi dan kerana itu, mereka sedia bekerjasama menanganinya asalkan ada ketelusan. Reaksi awal dan spontan mereka kepada media mengenai Bajet Mini, antara lain ialah supaya jumlah peruntukan yang diumumkan itu memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan; sampai ke kumpulan sasar; dilaksanakan dengan telus; mudah dan cepat diperoleh dan tidak dipolitikkan.

Mereka tidak mahu pakej rangsangan ini hanya gah dari segi jumlah peruntukan dan pelancaran sedangkan manfaatnya tidak menyeluruh seperti berlaku kepada banyak pengumuman sebelum ini. Rakyat sedar mereka kini sekali lagi diuji dengan kegawatan ekonomi seperti yang pernah dilalui beberapa kali sebelum ini. Selain ramai kehilangan pekerjaan, mereka yang masih bekerja kemungkinan tidak lagi menikmati bonus atau kenaikan gaji tahunan. Kerana kita pernah merasai kesenangan, maka tidak perlu kesal dengan kesulitan ekonomi dihadapi sekarang. Kita perlu melihat suasana ekonomi hari ini sebagai satu ujian. Kenaikan harga barang akan menguji sejauh manakah kekuatan kita melawan nafsu serta kebijaksanaan mengurus dan mentadbir sama ada jabatan, syarikat atau rumah tangga. Zaman sukar adalah zaman untuk kita melihat ke dalam diri dengan penuh keinsafan dan kesyukuran. Kalau ada kesilapan yang

kita lakukan pada masa dulu seperti berbelanja berlebihan, membazir dan sebagainya, maka kita perlulah insaf dan berhenti daripada berbelanja pada perkara yang kurang faedahnya. Zaman sukar juga menuntut semua pihak supaya banyak berkorban dan berbelanja dengan berhemah.

Penggunaan kad kredit jika boleh, perlu dikurangkan atau tidak digunakan langsung. Jika menerima bonus hasil keuntungan syarikat tahun lalu, rancanglah perbelanjaan sebaik-baiknya. Kita harus bersyukur kerana, walaupun dilanda kesulitan ekonomi kita mempunyai kemudahan asas dan makanan yang cukup. Sebenarnya mutu dan taraf hidup kita belum begitu terjejas. Ketika zaman sukar juga, graduan tidak seharusnya memilih pekerjaan. Jika jumlah kehadiran pekerja asing di negara ini dijadikan ukuran, tidak ada rakyat kita yang menganggur jika mereka sedia mengambil tempat pendatang asing itu.

Majikan pula seharusnya mengutamakan rakyat tempatan. Walaupun majikan mungkin terpaksa membayar gaji lebih, mereka harus ingat wang itu akan dibelanjakan di dalam negara, berbanding rakyat asing yang menghantar pulang ke negara asal. Ketika inilah, majikan harus menghayati erti nasionalisme Malaysia dengan mengutamakan kepentingan negara lebih daripada keuntungan mereka. Menghayati nasionalisme juga bermakna kita harus mengutamakan barang buatan tempatan ketika berbelanja, memilih destinasi dalam negeri apabila bercuti.

Mutu barang kegunaan harian yang dikeluarkan syarikat Malaysia sama baiknya dengan barang import, malah sesetengahnya lebih baik daripada barang import. Kita mestilah memiliki keyakinan pada diri sendiri bahawa mutu barang dan perkhidmatan kita setanding dengan yang diimport. Kalau pun mutunya sedikit kurang, kita perlu korbankan soal mutu bagi menyelamatkan pengaliran keluar wang.

Pada masa sama, peniaga dan pembeli mestilah bekerjasama serta saling memahami keperluan antara satu sama lain. Peniaga tidak sepatutnya menaikkan harga terlalu tinggi kerana mereka juga adalah pengguna kepada barang dan perkhidmatan yang lain. Jika semua pembekal, pemborong, peruncit dan peniaga tidak menaikkan harga dan pembeli pula tidak boros membeli, kita yakin kadar inflasi tidak akan meningkat dan kegawatan ekonomi sekarang dapat diatasi dengan cepat. Selain itu, parti dan pemimpin politik tanpa mengira ideologi perjuangan harus melupakan seketika perbalahan mereka untuk saling bekerjasama menangani masalah ini.

Kepada parti dan pemimpin politik yang terbabit dalam perebutan jawatan akhir bulan ini, selepas pemilihan selesai nanti, yang menang dan kalah harus berganding bahu mengatasi kemelut ekonomi. Jika benar-benar berjuang untuk rakyat, inilah ketikanya mereka boleh membuktikan bahawa kepentingan negara dan rakyat dalam menghadapi zaman sukar mengatasi kepentingan politik dan peribadi.

17 Mac 2009 (Selasa)

Johor: Sistem Saga ubah persepsi rakyat terhadap agensi kerajaan

Oleh Mohd Roji Abdullah mdroji@bharian.com.my

BATU PAHAT: Sistem Perakaunan Seragam (Saga) yang digunakan beberapa agensi kerajaan mampu mengubah persepsi rakyat yang sebelum ini beranggapan urusan dengan agensi terbabit agak lembap terutamanya berkaitan pembayaran serta penyediaan penyata kewangan. Akauntan Negara, Datuk Mohd Salleh Mahmud, berkata berbanding penggunaan sistem manual, Saga membuktikan tahap integriti maklumat kewangan dipertingkatkan melalui proses kerja lebih telus. Beliau berkata, selain memudahkan proses kerja, sistem Saga juga memberi kesan kepada kecekapan pengguna sistem dalam menghasilkan sesuatu pengeluaran data.

"Penggunaan sistem Saga ini umpamanya berjaya memendekkan tempoh bayaran kepada pihak kontraktor dalam tempoh hanya 14 hari berbanding 30 hari dengan kaedah manual," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan Saga kepada 12 agensi kerajaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, baru-baru ini.

Mohd Salleh turut mengingatkan ketua agensi supaya meningkatkan usaha mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan kerja semasa khususnya bagi meningkatkan kecekapan sistem Saga itu. "Ia termasuk prosedur kerja yang utama, peraturan dan piawaian perakaunan, peralatan yang digunakan serta menentukan tahap kemahiran pegawai yang melaksanakan tugas. "Justeru, pegawai serta kakitangan agensi yang terbabit harus komited dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan sistem ini," katanya.

17 Mac 2009 (Selasa)

Ekonomi - Projek kilang Bumiputera RM4.8b lulus tahun lalu



ABDUL Rahman (kanan) diiringi Syed Ali Alattas (tengah) melancarkan penjenamaan semula laman web DPMM Johor di Johor Bahru, semalam.

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) meluluskan projek perkilangan Bumiputera dengan pelaburan RM4.8 bilion tahun lalu, kata Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Katanya, nilai itu mewakili kira-kira 7.8 peratus pelaburan RM62.8 bilion yang diluluskan

untuk 265 projek perkilangan pada 2008. "Industri utama menerima pelaburan Bumiputera itu adalah peralatan pengangkutan (RM1.5 bilion), perkilangan makanan (RM947.7 juta), produk galian bukan logam (RM572.7 juta), produk logam (RM372.2 juta), produk petroleum dan petrokimia (RM342.4 juta," katanya dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Johor di Johor Bahru, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Miti, Tan Sri Abdul Rahman Mamat yang merasmikan mesyuarat itu. Hadir sama Yang Dipertua DPMM Johor yang juga Presiden DPMM, Syed Ali Alattas. Muhyiddin berkata, bagi memastikan Bumiputera sentiasa mendapat maklumat terkini, Miti dan agensinya mengadakan program outreach untuk meluaskan jangkauan, mendekati serta membimbing usahawan serta pelabur. Program outreach yang pertama tahun ini diadakan di Johor, bulan depan.

17 Mac 2009 (Selasa)

Surat - Pekeliling naik gred diketepikan

KEMENTERIAN Kesihatan mengeluarkan surat pekeliling KK(S) 523(533) 2008 berkaitan tawaran kenaikan pangkat jawatan pegawai kesihatan persekitaran U42 bagi penolong pegawai kesihatan persekitaran U32 dan U29 yang mempunyai ijazah berkaitan dan penolong pegawai kesihatan persekitaran U36 untuk kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL).

Apa yang paling mendukacitakan ialah Bahagian Sumber Manusia Kementerian Kesihatan membuat keputusan bahawa kenaikan pangkat pegawai kesihatan persekitaran gred U42 secara pangkuhan cuma diberikan kepada mana-mana penolong pegawai kesihatan persekitaran U36 dan menolak permohonan penjawat penolong pegawai kesihatan persekitaran U32 dan U29 yang mempunyai ijazah seperti dinyatakan pekeliling berkaitan.

Bahagian sumber manusia juga tidak mematuhi pekeliling bil 11 2005 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan jawatan bersepada pegawai kesihatan persekitaran dan penolong pegawai kesihatan persekitaran yang menyatakan dengan jelas kenaikan pangkat secara pangkuhan adalah tertakluk kepada mana-mana kakitangan yang mempunyai ijazah berkaitan.

Keputusan yang dibuat bahagian sumber manusia mengecewakan dan bersifat subjudis kepada kakitangan yang bersusah payah menyambung pelajaran ke peringkat ijazah demi meningkatkan kerjaya. Ia memberi gambaran kenaikan pangkat akan diberikan mengikut mempunyai kekananan dan pengalaman saja tanpa mengambil kira kelayakan ijazah yang diiktiraf JPA. Jika diambil kira pengalaman, kakitangan yang mempunyai ijazah juga berpengalaman melebihi 10 tahun dan ada yang sudah 30 tahun dalam perkhidmatan.

GRADUAN TUA, Ampang Kuala Lumpur.

18 Mac 2009 (Rabu)

Sabah & Sarawak: Nelayan sambut baik keputusan tak wajibkan kotak ikan berinsulasi

KUCHING: Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (Penesa) semalam mengalu-alukan keputusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk tidak mewajibkan semua pemberong ikan menggunakan kotak ikan berinsulasi yang dicadangkan sebelum ini. Pengerusinya Jamali Basri, berkata keputusan itu, membuktikan kementerian terbabit sentiasa mengambil kira pelbagai pendapat dari beberapa pihak termasuk bantahan daripada kalangan pemberong ikan, sebelum ini. Bagaimanapun katanya, orang ramai terutama masyarakat nelayan termasuk kalangan pemberong ikan tidak boleh mengambil kesempatan terhadap keterbukaan kementerian terbabit. "Keputusan kementerian itu untuk tidak mewajibkan semua pemberong ikan menggunakan kotak ikan berinsulasi yang diumumkan kelmarin bukan membayangkan pihak terbabit tidak tegas dengan apa keputusan sebelum ini. "Keputusan itu dibuat, selepas kementerian berkenaan menerima beberapa maklum balas daripada banyak pihak berhubung dengan cadangan itu," katanya kepada Berita Harian, ketika diminta mengulas perkara itu semalam.

Kelmarin Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Menterinya Datuk Mustapa Mohamed, berkata kementeriannya memutuskan penggunaan kotak ikan berinsulasi tidak diwajibkan untuk digunakan oleh pemberong-pemberong ikan. Beliau berkata perkara itu diputuskan kelmarin selepas langkah mewajibkan penggunaan kotak pintar itu mendapat bantahan ramai kalangan pemberong. Sehubungan itu, beliau berkata isu ini sudah dianggap selesai. Sebelum ini, penggunaan kotak itu mendapat bantahan keras oleh pemberong ikan di seluruh negara kerana kos penggunaannya dikatakan amat tinggi berbanding penggunaan kotak sedia ada.

Mustapa juga berkata kementeriannya kini memutuskan untuk memberikan insentif kewangan kepada pemberong yang menggunakan kotak ikan berinsulasi itu. Beliau berkata jumlah insentif kewangan itu akan diumumkan minggu depan, selepas beberapa perbincangan mengenainya selesai. Katanya adalah tidak benar semua pemberong ikan memboikot penggunaan kotak itu kerana berdasarkan pemantauan, pihaknya mendapati kira-kira 10 peratus pemberong ikan menggunakan kotak tersebut. Mustapa berkata dengan pengumuman itu beliau berharap semua peniaga ikan di negara tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga ikan seperti yang berlaku sebelum ini.

18 Mac 2009 (Rabu)

Hutang punca pejawat awam amal rasuah

LAPORAN Pelan Integriti Nasional - Penilaian dan Hala Tuju (Tekad 2008) yang diumumkan semalam mendedahkan hampir 74 peratus kakitangan awam yang cenderung menerima

suapan berpunca daripada terlalu banyak beban hutang dan gagal mengawal perasaan kerana mempunyai lebih ruang serta peluang melakukannya. Laporan itu juga menyatakan amalan rasuah berleluasa di kalangan penjawat awam kerana ramai masih keliru dengan skop perbuatan yang dianggap rasuah atau sebaliknya.

Kajian persepsi awam terhadap rasuah yang dilakukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati agensi penguasa undang-undang kekal sebagai golongan yang paling terdedah kepada risiko rasuah termasuk polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta jabatan Bomba dan Penyelamat. Kira-kira 70 peratus gejala rasuah dalam perkhidmatan awam membabitkan 10 jabatan kerajaan, terutama agensi penguatkuasaan dan agensi kerajaan yang mempunyai keanggotaan besar. Dalam konteks perundungan, kajian antara 2007 hingga 2008 itu mendapati masih ada anggota perkhidmatan awam kurang jelas mengenai penakrifan rasuah seperti penerimaan hadiah dan percanggahan kepentingan.

Walaupun Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 membawa banyak pembaharuan berbanding Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang dimansuhkan, tidak ada penakrifan khusus mengenai istilah rasuah, sebaliknya hanya membuat takrifan mengenai ‘suapan’. Sehubungan itu, Laporan Tekad mengesyorkan program kesedaran mengenai rasuah, terutama amalan yang boleh ditakrifkan sebagai rasuah perlu diperhebatkan untuk penjawat awam dan orang awam supaya tidak timbul kekeliruan mengenai apa yang dibolehkan dan yang dilarang.

Pada masa sama, IIM, menerusi Pelan Integriti Nasional (PIN), berusaha mengurangkan gejala rasuah dengan sasaran menaikkan 5.2 mata Persepsi Indeks Rasuah (CPI) yang ditetapkan pada 2003 kepada 6.5 mata menjelang 2008. Sejak lima tahun PIN dilancarkan, pelbagai pendekatan serta usaha dilakukan bagi membanteras rasuah tetapi negara hanya memperoleh 5.1 mata bagi 2007 dan 2008 berbanding mata tertinggi 5.32 pada 1994 dan terendah 4.8 pada 2000.

Rasuah juga mengakibatkan pengaliran keluar modal kerana kebanyakan perolehan haram ini disimpan di bank pesisir pantai, manakala kajian Suruhanjaya eropah mendapati antara 10 hingga 20 peratus kenaikan harga barang berpunca daripada rasuah. Justeru, laporan itu turut menekankan kepentingan umum diberi penjelasan mengenai pelbagai bentuk rasuah, bukan saja yang membabitkan pertukaran wang antara dua pihak tetapi merangkumi penyelewengan, salah guna kuasa dan pemalsuan.

19 Mac 2009 (Khamis)

Firma perunding palsu tawar tender kerajaan terbongkar

KUALA LUMPUR: Sebuah syarikat perunding dikesan menggunakan taktik menawarkan tender kerajaan kepada beberapa syarikat pembekal di sekitar Lembah Klang sebelum lesap sebaik menerima bayaran kononnya bagi memproses dokumen tawaran tender itu. Kegiatan syarikat perunding menggunakan alamat palsu itu terbongkar selepas seorang pengarah sebuah syarikat

membekal peralatan pejabat membuat laporan polis mengenai penipuan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, kelmarin. Difahamkan, syarikat berkenaan menggunakan dua alamat berbeza bagi mengelirukan mangsa dan dipercayai mengaut keuntungan sehingga puluhan ribu ringgit dalam tempoh singkat dengan mengenakan bayaran proses dokumen sehingga RM5,000.

Modus operandi syarikat itu ialah mencari nama syarikat sasaran melalui buku panduan Yellow Pages sebelum menghantar tawaran tender melalui faks dan meminta syarikat berminat membayar wang proses dokumen tender. Sebaik semua urusan selesai, mangsa diminta menunggu dalam tempoh tertentu untuk pengesahan status permohonan sebelum menyedari ditipu selepas tidak dihubungi syarikat perunding itu apabila tempoh ditetapkan berakhir. Difahamkan, syarikat perunding berkenaan menggunakan tender membekalkan peralatan pejabat bagi satu projek milik kerajaan di Batang Berjuntai, Selangor.

Seorang mangsa penipuan itu, Khor Chee Heng, 36, yang mengusahakan syarikat pembekal perabot pejabat sejak enam tahun lalu, mendakwa beliau menerima faks daripada syarikat perunding itu penghujung Disember lalu. "Jumlah kontrak ditawarkan mencecah jutaan ringgit mendorong saya bersetuju menerima tawaran itu sebelum membayar RM5,000 kepada syarikat berkenan sebagai kos memproses dokumen tender," katanya.

Khor yang mendapatkan bantuan Biro Pengaduan Awam MCA, di sini semalam, berkata selepas menunggu hampir dua bulan, baru beliau menyedari ditipu tetapi usaha menjelak syarikat berkenaan menemui jalan buntu. "Semakan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati syarikat terbabit menggunakan alamat berbeza, masing-masing di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dipercayai bagi mengelirukan mangsa," katanya.

19 Mac 2009 (Khamis)

Utara: Teman hentian tani RM116j

Oleh Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz bhnews@bharian.com.my

IPOH: Terminal Makanan Negara (Teman) bernilai hampir RM116 juta di Simpang Pulai, di sini bakal menjadi pusat hentian tani bersistematik dan landasan baru pemasaran produk pertanian dan makanan di negara ini. Terminal yang mula dibina Oktober lalu dan dijangka siap dalam tempoh setahun akan menjadi pasar borong moden dan sebagai tempat perkumpulan pemborong industri berkenaan.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Badrudin Amiruldin, berkata projek itu menjadi perintis kepada projek sama di beberapa negeri lain. "Jika projek ini berjaya mencapai matlamatnya, ia akan dijadikan contoh kepada pembinaan projek seumpamanya di seluruh negara dan kerajaan Pusat tidak teragak-agak untuk menambah peruntukan."

"Projek ini juga ruang bagi peruncit dan pengguna mendapatkan bekalan bahan basah dan kering," katanya selepas melawat tapak projek itu bersama Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Fama, Shahbani Saimin dan Pengarah Fama Perak, Basri Jasmo.

Sebanyak 297 lot disediakan di kompleks yang berkeluasan 20 hektar itu dan sehingga kini 390 permohonan sudah diterima daripada pemborong dan peniaga. "Fama akan memilih pemborong yang layak, bukan saja dari negeri ini tetapi semua pemborong di wilayah utara," katanya sambil menambah projek sama turut dilaksanakan di Kota Bharu, Kelantan.

Badruddin berkata, pelaksanaan projek di negeri ini kini mencecah hampir 70 peratus dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober ini, manakala projek di Kota Bharu pula dijangka siap penghujung 2010. "Saya yakin projek ini akan siap mengikut jadual walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu. Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan kemajuan pembinaan projek ini," katanya.

Katanya, sistem pasar borong moden seperti itu sudah diguna pakai di negara maju dan terbukti praktikal.

20 Mac 2009 (Jumaat)

Sentral: Pusat maritim mesra alam, OKU

Oleh Azrina Ahzan bhnews@bharian



PENUBUHAN Pusat Maritim Putrajaya ini bukan saja menjadi mercu tanda baru malah turut merancakkan kegiatan ekonomi setempat.

Binaan kaca bulat lengkap pelbagai kemudahan, mercu tanda baru Putrajaya

PUTRAJAYA: Berlatarkan reka bentuk dalaman bermotifkan hidupan laut sesuai dengan namanya, Pusat Maritim Putrajaya bakal menjadi mercu tanda terbaru di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di sini yang dikhaskan untuk pelbagai kegiatan sukan air peringkat antarabangsa dan tempatan. Dibina di atas tapak seluas 2.1 hektar, Pusat Maritim yang terletak di Presint 5, berhampiran Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Hotel Pullman Putrajaya Lakeside dan Pusat Rekreasi Air itu dilihat sebagai satu medan untuk memajukan lagi kegiatan sukan air di negara ini. Ketua Penolong Pengarah (Perancangan Bandar), Jabatan

Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya, Norzita Abdul Razak, berkata pusat terbabit dilengkapi pelbagai kemudahan untuk orang ramai antaranya gimnasium, dewan bankuet, bilik karaoke, kolam renang bersaiz olimpik, jeti bot, bilik sauna dan bilik mesyuarat.

"Pusat Maritim Putrajaya ini dibina dalam bentuk bulatan bagi memberi peluang kepada pengunjung dan orang ramai yang menggunakan kemudahan di sini untuk menikmati keindahan Tasik Putrajaya. "Malah, pusat ini juga mesra alam dengan binaan kaca yang melatari bahagian berhadapan tasik, selain pelbagai kemudahan bagi keselesaan golongan kurang upaya," katanya pada sesi lawatan ke pusat itu baru-baru ini. Perasmian pembukaan pusat itu dijangka diadakan hujung bulan ini.



KEMUDAHAN gimnasium mampu pikat pengunjung.

Katanya, pihaknya kini dalam proses akhir melantik syarikat pengendali pusat berkenaan dan mengalu-alukan mana-mana individu atau syarikat yang berminat menjalankan perniagaan di tujuh lot kedai yang disediakan di situ. Sementara itu, Hotel Pullman Putrajaya Lakeside yang terletak kira-kira lima berjalan kaki dari Pusat Maritim Putrajaya itu juga sudah mula beroperasi sejak 1 Mac lalu.

Pengurus Pemasaran dan Komunikasinya, Harriet Hoong, berkata hotel berkenaan mempunyai kemudahan 283 bilik, suite dan pangaspuri servis, lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti talian internet, televisyen dan perabot berbentuk ergonomik bertemakan masyarakat Melayu, Cina, India dan Borneo. "Hotel ini mempunyai empat blok yang diberi nama Jasmine (India), Lotus (Cina), Bunga Tanjung (Melayu) dan Rafflesia (Borneo). "Perbezaan bukan saja boleh dilihat pada reka bentuk luaran tetapi juga pada hiasan dalaman setiap bilik yang sesuai mengikut tema masyarakat terbabit, sekali gus memberi kelainan kepada pelanggan kami," katanya.

Mengenai sambutan orang ramai, katanya, setakat ini apa yang diterima amat menggalakkan dan pihaknya sudah menerima tempatan daripada beberapa syarikat korporat untuk mengadakan mesyuarat dan jamuan di hotel berkenaan.

20 Mac 2009 (Jumaat)

Timur: Beban kewangan punca pemaju gagal siap projek

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Beban kewangan dan masalah dalaman syarikat pemaju perumahan dikenal pasti antara punca kelewatan atau kegagalan projek perumahan disiapkan sepenuhnya. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kemudahan Asas dan Pengangkutan Negeri, Datuk Mohd Soffi Abdul Razak, berkata antara kelemahan pemaju perumahan ialah gagal menguruskan projek mengikut ketetapan dan dibelenggu kos kenaikan bahan mentah.

Beliau berkata, projek perumahan dibiarkan terbengkalai menyebabkan pembeli berada dalam keadaan 'tersepit' kerana terpaksa menjelaskan ansuran rumah yang tidak siap sehingga persetujuan dicapai antara pembeli untuk membaik pulih projek. Justeru, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dipertanggungjawabkan untuk meneliti dan mengkaji kemungkinan mengambil alih sebahagian besar projek tergendala untuk disiapkan di seluruh negara. "Bagaimanapun, sebelum melaksanakan kerja baik pulih itu, SPNB memerlukan lebih 70 peratus persetujuan pembeli rumah bagi setiap projek sebelum meneruskannya," katanya.

"Ada kalangan pembeli tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan persetujuan dan situasi ini juga antara punca kelewatan kerja-kerja baik pulih dilaksanakan," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penerangan mengenai pemulihan projek terbengkalai Taman Sungai Karang Darat 1, Sungai Karang dekat sini, semalam. Sementara itu, SPNB akan menggunakan sepenuhnya dana RM430 juta yang diperoleh menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 untuk membaik pulih projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Datuk Mohd Amin Mohd Salleh, berkata, sehingga kini SPNB berjaya membaik pulih 73 projek perumahan terbengkalai membabitkan 23,089 unit di seluruh negara. Selain itu, katanya, SPNB juga sedang meneliti 256 projek perumahan yang terbengkalai membabitkan 74,620 unit rumah untuk tujuan pemulihan.

"Matlamat kami supaya pembeli rumah memiliki dan menikmati impian mereka yang hampir tidak menjadi kenyataan apabila projek yang sepatutnya siap terpaksa ditangguhkan kerana masalah yang dihadapi pihak pemaju. "Pembeli tidak perlu membayar kos tambahan untuk kerja baik pulih kerana ia ditanggung sepenuhnya oleh SPNB melalui peruntukan daripada Kerajaan Pusat," katanya.

22 Mac 2009 (Ahad)

Sabah&Sarawak: SPNB pulih 256 projek perumahan bermasalah

MIRI: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan memulihkan semua 256 projek perumahan 'bermasalah' membabitkan 74,620 unit rumah mampu milik (RMM) yang terdapat di seluruh negara. Pengarah Urusannya, Datuk Mohd Amin Mohd Salleh, berkata semua projek

itu sudah diserahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada SPNB untuk disiapkan. Beliau berkata, daripada jumlah itu, 73 projek yang gagal dilaksanakan mengikut jadual, kini sudah siap.

“Ketika ini, kita sedang membaik pulih lima projek membabitkan sejumlah 1,469 unit RMM di seluruh negara. Ia dijangka siap dalam masa terdekat ini. “Di Sarawak, SPNB sudah membaik pulih empat projek hampir terbengkalai membabitkan sejumlah 613 unit rumah berkenaan,” katanya pada majlis penyerahan surat tawaran program Rumah Mesra Rakyat (RMR) kepada penduduk di Bekenu dan Lambir di sini, semalam.

Majlis penyerahan dilakukan oleh Menteri Perumahan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Abang Openg. Turut hadir ialah Menteri Muda Perumahan Sarawak Dr Soon Choon Teck, Ahli Parlimen Sibuti, Ahmad Lai, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bekenu, Rosey Yunus dan Adun Lambir Aidan Wing.

Mengenai program RMR di Sarawak, Mohd Amin berkata, ia mendapat sambutan menggalakkan di kalangan penduduk berpendapatan rendah di negeri itu. “Program RMR amat popular di kalangan penduduk berpendapatan rendah terutama bagi golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap di luar bandar. “RMR diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga kurang berkemampuan,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 419 dari 960 permohonan dengan peruntukan sebanyak RM26.82 juta sudah diluluskan.

23 Mac 2009 (Isnin)

Kontrak RM3.2b diagih

Bajet Mini beri peluang projek kontraktor tempatan

KUALA LUMPUR: Kerajaan minggu ini akan mengagihkan kepada kontraktor tempatan projek bernilai RM3.202 bilion membabitkan kerja menaik taraf serta menyediakan kemudahan di sekolah dan balai polis di seluruh negara. Projek berkenaan adalah antara yang dikenal pasti mengikut Bajet Mini bernilai RM60 bilion dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat, dua minggu lalu bertujuan merangsang ekonomi negara.

Najib yang juga Menteri Kewangan dalam kenyataannya semalam menjelaskan, daripada jumlah projek yang akan diagihkan itu, RM1.3 bilion adalah bagi menambah baik, menaik taraf serta memajukan kemudahan dan infrastruktur di 322 sekolah seluruh negara. Beliau berkata, kira-kira RM95.5 juta pula bagi menambah baik serta memulihkan balai polis.

"Pengagihan projek yang sebegini cepat, iaitu hanya selepas 14 hari Bajet Mini dibentangkan di Parlimen (pada 10 Mac lalu) menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam menangani krisis global yang turut memberikan kesan kepada Malaysia. "Ia juga membuktikan betapa seriusnya kerajaan dalam memberikan perhatian terhadap kepentingan rakyat dan bagi merangsang keyakinan dan aktiviti sektor swasta," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan, pelaksanaan projek yang dikenal pasti di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama yang diumumkan pada 4 November tahun lalu, juga akan dipercepatkan demi manfaat rakyat. Beliau berkata, pelaksanaannya dipantau rapi oleh Unit Pengurusan Projek (PMU) yang dipimpin Ketua Eksekutifnya, Datuk Ir Mohd Othman Zainal Azim. Setakat ini, 16,386 projek bernilai RM1.67 bilion di bawah pakej rangsangan pertama itu telah diagihkan dan dilaksanakan. Ia termasuk projek membangun dan memajukan modal insan, demi kepentingan rakyat dan meningkatkan daya saing negara.

Najib berkata, pembangunan kampus IT HP di Cyberjaya bernilai RM234 juta juga sedang berjalan dan kontraknya telahpun diberikan. Seramai 30 pelatih bagi program latihan penempatan dan pekerjaan graduan sedang ditemuduga. Timbalan Perdana Menteri menegaskan, menjelang akhir bulan depan, semua 38,000 projek di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama akan dikeluarkan dan dijangka siap menjelang Ogos.

"Kerajaan komited dalam memastikan pelaksanaan projek itu disegerakan bagi membantu rakyat dan badan perniagaan untuk mengharungi masalah yang dibawa oleh krisis ekonomi global," katanya.

PMU dan Unit Koordinasi Pelaksanaan (ICU) serta agensi berkaitan dipertanggungjawabkan untuk memantau pakej rangsangan ekonomi kedua. Selain itu, sebuah jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, juga ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan itu.

Najib berkata, jawatankuasa itu akan bermesyuarat secara tetap dan melaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan beliau sendiri. "Dengan penubuhan PMU dan pemantauan secara berterusan oleh beliau sendiri, ia akan memastikan sasaran yang ditetapkan di bawah kedua-dua pakej rangsangan ekonomi itu akan dicapai," katanya.

23 Mac 2009 (Isnin)

Utara: PAC siasat operasi kuari

GEORGETOWN: Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Pulau Pinang akan menyiasat operasi perniagaan kuari di negeri ini bagi mengelak kemungkinan kerajaan negeri kehilangan pendapatan daripada perniagaan itu. Pengerusinya, Jagdeep Singh Deo, berkata jawatankuasa

terbabit akan memulakan mesyuarat pada akhir minggu depan bagi mengenal pasti mekanisme untuk digunakan dalam siasatan itu.

"Siasatan akan merangkumi semua perniagaan kuari sama ada yang sah atau haram. Bagaimanapun, jumlah sebenar pengusaha terbabit belum diketahui," katanya selepas mempengerusikan taklimat berhubung perkara itu di pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Betong, Mohamad Farid Saad dan Adun Seberang Jaya, Datuk Arif Shah Omar Shah. Jagdeep berkata, PAC akan memanggil agensi berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Tanah Dan Galian (PTG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi membantu siasatan.

"Kami berharap semua siasatan itu dapat diselesaikan sebelum sidang DUN bermula pada 20 April ini bagi membolehkan isu berkenaan dibahaskan," katanya.

Diminta mengulas kemungkinan siasatan itu ada kaitan dengan dakwaan penyelewengan beberapa syarikat kuari membabitkan dua pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) di negeri ini, beliau berkata, ia dibuat secara menyeluruh.

"Kita tidak menjurus terhadap individu tertentu. Siasatan dibuat secara menyeluruh. Jika perlu membabitkan pihak tertentu seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kita serahkan kepada mereka," katanya.

23 Mac 2009 (Isnin)

Sentral: Ternakan terbiar cemar taman

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my



LEMBU berkeliaran membahayakan pengguna jalan raya di Taman Rasah Jaya, Seremban.

SEREMBAN: Masalah ternakan yang dibiarkan lepas bebas oleh pemiliknya, terutama ternakan ruminan seperti lembu dan kambing sehingga mengganggu orang ramai serta membahayakan pengguna jalan raya, bukan isu baru. Berdasarkan statistik kemalangan, bukan sedikit bilangan

pengguna jalan raya yang cedera atau terbunu ketika cuba mengelak atau melanggar haiwan itu yang melintas atau tidur di atas jalan raya.

Haiwan yang dibiarkan bebas berkeliaran juga boleh menimbulkan masalah kepada orang ramai kerana ia bukan saja merosakkan harta benda, tetapi menjadi punca kekotoran akibat pembuangan najis merata-rata. Walaupun ia bukan isu baru tetapi masalah itu masih berlaku disebabkan kekurangan kesedaran dan tanggungjawab di kalangan pemiliknya untuk menjaga serta mengawal ternakan masing-masing.

Sungguhpun masalah itu sering dikaitkan dengan kawasan kampung dan pedalaman tetapi penduduk di bandar juga tidak terkecuali berdepan masalah itu seperti yang dihadapi penduduk Taman Rasah Jaya, Taman Bunga Raya dan Taman Blossom, dekat Rasah. Penduduk taman berkenaan mendakwa, sekumpulan 20 hingga 30 ekor lembu didapati sering berkeliaran di kawasan mereka sejak tahun lalu hingga menjelaskan kehidupan serta aktiviti harian.

Seorang penduduk, Abdullah Ali, 46, berkata kumpulan lembu itu sering berkeliaran sehingga banyak pokok dan bunga dirosakkan, selain sampah diselongkar sehingga kawasan menjadi kotor dan semak. Katanya, dia tidak tahu siapa pemilik lembu berkenaan kerana lembu itu dilepaskan tanpa pengawasan dan dibiarkan meragut rumput di tepi jalan di kawasan berkenaan. "Kadangkala kumpulan lembu berkenaan akan meragut rumput di tepi jalan raya pada waktu pagi atau petang. Najis yang bertaburan menyebabkan jalan kawasan perumahan menjadi kotor selain membahayakan pengguna jalan raya," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mambau, Wong May May, berkata beliau sudah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) berhubung masalah itu tetapi sehingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil. Katanya, MPS sepatutnya mengambil tindakan tegas terhadap pemilik haiwan itu yang tidak peduli dan bersikap lepas tangan membiarkan ternakan masing-masing berkeliaran ke tempat yang tidak sepatutnya. "Saya berharap pemiliknya bukan saja dikenakan denda tetapi haiwan ternakan mereka juga dilelong sebagai pengajaran," katanya.

Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latif, berkata pemilik haiwan yang gagal mengawal ternakan mereka boleh diberikan notis serta denda dan sekiranya dalam tempoh 14 hari haiwan ternakan yang ditangkap, boleh dilelong. "Kita ada menerima aduan tetapi apabila sampai ke tempat yang dilaporkan, kadangkala haiwan yang berkeliaran itu sudah tidak ada. Pada masa sama, kita juga perlu menggunakan budi bicara sebelum mengambil sebarang tindakan. "Mungkin kita sekadar memberi amaran kepada pemilik dan bukan menangkap terus haiwan berkenaan kerana tidak semua yang membela lembu itu orang kaya. Jika tidak mereka tidak akan membela lembu," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Yunus Rahmat, berkata pihaknya sudah mengemukakan cadangan, antaranya mewujudkan Pusat Tahanan Ternakan di kawasan setempat bagi menempatkan ternakan

berkeliaran atau tanpa pemilik untuk tindakan selanjutnya, termasuk dilelong jika tidak dituntut selepas tempoh tertentu bagi mengatasi haiwan ternakan berkeliaran.

Yunus mengakui masalah ternakan yang dibiarkan bebas berkeliaran menimbulkan banyak kesan negatif, termasuk boleh menjelaskan hubungan di kalangan penduduk, selain mendedahkan pengguna jalan raya kepada risiko kemalangan. "Banyak kes ternakan masuk ke kebun dan memusnahkan tanaman sehingga menyebabkan pergaduhan, begitu juga apabila ada ternakan yang dituntut oleh dua atau tiga pihak. "Ternakan yang berkeliaran juga menyebabkan banyak berlaku kemalangan dan masalah ini sudah berlarutan sejak sekian lama," katanya.

23 Mac 2009 (Isnin)

RM175 juta bina unjam, tukun tiruan

LANGKAWI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan RM17.5 juta sepanjang tahun ini bagi membina tukun dan unjam di seluruh negara dalam usaha menambah sumber ikan di perairan negara. Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata beberapa jenis tukun dan unjam sudah dicipta dan direka bentuk hasil penyelidikan mengikut kesesuaian dasar perairan di Pantai Timur, Barat, Sabah serta Sarawak.

"Peruntukan berkenaan adalah sebahagian daripada RM100 juta peruntukan tambahan diperolehi daripada Bajet Mini diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen 10 Mac lalu. "Daripada jumlah itu 25 tukun dan unjam baru akan dibina di seluruh negara sebagai tambahan kepada 61 sedia ada," katanya selepas merasmikan Program Masyarakat Nelayan Bersama Menteri, di pekarangan Pejabat Perikanan Langkawi, di Bukit Malut, di sini, semalam.

Mustapa berkata, kajian pendapatan dilakukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan peningkatan sehingga 50 peratus pendapatan nelayan kawasan yang mempunyai tukun dan unjam. "Oleh itu, dalam tempoh terdekat kementerian akan memberi penekanan terhadap usaha memperbanyakkan tapak ladang ikan menerusi projek pembinaan tukun dan penurunan unjam ciptaan terbaru," katanya.

24 Mac 2009 (Selasa)

Sistem tender secara elektronik diperkenal

Oleh Khairul Azran Hussin khaiazr@bharian.com.my



Sistem ini memberikan mereka lebih banyak pilihan untuk melihat projek yang ada serta peluang menyertai tender tanpa melalui banyak proses"

Mohd Zin Mohamed
Menteri Kerja Raya

E-Tender mudah proses bida projek elak penipuan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kerja Raya menjadi kementerian pertama memperkenalkan sistem Pengurusan Tender Secara Elektronik atau E-Tender bagi mempermudah proses membida tender projek di bawah kementerian itu bagi mengelak penipuan dan penjualan borang.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata melalui E-Tender, iaitu sistem dalam talian menerusi <http://www.etender.com.my>, pembida tidak perlu ke pejabat kementerian untuk mendapatkan borang atau melihat projek yang ditender, sebaliknya dibuat secara talian.

"Sistem yang diluluskan oleh mesyuarat pasca Kabinet baru-baru ini membolehkan pembida mendapatkan maklumat lengkap berkaitan projek, dokumen tender, spesifikasi piawaian sehinggalah senarai lukisan sebelum muat turun borang tender dengan dikenakan bayaran wang pos minimum RM50, bergantung kepada nilai projek. "Sistem ini bukan saja memudahkan orang ramai, malah memberikan mereka lebih banyak pilihan untuk melihat projek yang ada serta peluang menyertai tender tanpa melalui banyak proses," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Penyerahan Surat Setuju Tender Projek dan Cabutan Kerja Undi Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di sini, semalam. Mohd Zin berkata, pelaksana E-Tender akan dapat mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian maklumat serta memastikan proses perolehan tender dijalankan dengan lebih telus dan integriti. "Saya yakin proses tender ini akan lebih telus dan boleh mengelak penipuan, termasuk penjualan borang tender atau kegiatan ejen jualan, selain mengurangkan kos penyediaan dokumen tender," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, hanya 17,000 daripada 40,000 kontraktor kelas F di negara ini masih aktif dan mendapat faedah daripada bantuan kerajaan. Katanya, bagi membantu lebih banyak kontraktor kelas berkenaan mendapat tawaran projek, kerajaan sudah mengambil inisiatif mewajibkan 10 peratus daripada nilai kontrak yang bernilai RM10 juta ke atas diagihkan kepada kontraktor kelas itu. "Sehingga 28 Februari ini, sebanyak RM8.6 bilion sudah diluluskan membabitkan 189 kontraktor utama. Daripada jumlah itu, 4,373 kontraktor kelas F sudah mendapat faedah tawaran projek daripada kontraktor utama," katanya.